Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat di dalam sistem untuk mengenalpasti faktor dan mengambil langkah menangani tekanan kerja dalam kalangan guru. Ianya diharapkan dapat membantu pihak mengkaji dan menstruktur semula profesion penguruan yang menjadi kepada sistem pendidikan negara. Pihak pengurusan sekolah pula diharapkan lebih peka dan prihatin dengan pelbagai masalah yang timbul berkaitan tugas dapat menjaga kepentingan dan kebajikan guru dan masa ke semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 BATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Responden yang dipilih melibatkan semua guru di SJKT Daerah Tangkak dan Muar kecuali guru besar dan guru-guru penolong kanan responden bagi setiap tempat kajian. Dapatan kajian ini nanti hanya digeneralisasikan kepada SJKT di negeri Johor sahaja disebabkan pengaruh tahap tekanan dan kepuasan bekerja pengajar adalah berbeza di kalangan individu, sekolah dan lokasi. Dapatan kajian ini juga nanti adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang akan diberikan oleh responden adalah tepat. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut juga adalah bersandar kepada andaian ini.

1.10 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini terdapat beberapa definisi operasional yang perlu dijelaskan oleh pengkaji iaitu tekanan kerja,guru dan faktor-faktor tekanan kerja seperti beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber dan hubungan antara personal**.**

1.10.1 Tekanan Kerja

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tekanan kerja guru ialah pengalaman yang dialami oleh guru berhubung dengan yang tidak menyenangkan seperti ketegangan, kekecewaan, kebimbangan, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedukacitaan yang bersebab daripada aspek-aspek pekerjaan sebagai guru.

1.10.2 Guru

Dalam kajian ini, guru ditakrifkan sebagai seorang yang terlatih dalam bidang perguruan yang mempunyai kelayakan akademik yang berbeza sama ada guru bukan berijazah atau guru berijazah di bawah pentadbiran KPM. Tetapi kajian ini tidak melibatkan guru-guru sandaran tidak terlatih, penolong-penolong kanan dan guru besar. Guru-guru adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar 10 buah sekolah di daerah Tangkak dan Muar, Johor yang bukan sahaja terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga bertanggungjawab menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah. Guru disini juga merujuk kepada guru lelaki dan perempuan yang mengajar di sekolah SJKT kerajaan. Dalam kajian ini, lima faktor diambilkira iaitu, beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber dan hubungan antara personal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.3 Beban Tugas

Menurut Haynes, M.(2014,July) beban tugas ditakrifkan sebagai tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, tanggungjawab terhadap pelajar, pelajaran dan pentadbiran seperti mengisi borang dan lain-lain tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seseorang guru sepanjang dia bekerja. Boleh ditafsirkan juga sebagai jumlah tugas yang perlu dikerjakan oleh proses atau sistem dalam tempoh tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Alexander, K., & Alexander, M. D. (2012), perkataan asal bebanan ialah beban. Beban membawa maksud tanggungan (kewajiban) yang berat. Tugas pula merujuk kepada kewajiban sesuatu (kerja, tanggungjawab dan lain-lain) yang mesti dilaksanakan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengtakrifkan beban tugas adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seseorang guru yang mendapat kepercayaan pihak atasan. Beban tugas ini tertakluk kepada arahan daripada pihak pentadbir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Clark, R. L. (2014), beban tugas juga merujuk kepada jumlah masa seseorang guru untuk mengajar di kelas, masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan kerja-kerja sekolah atau tugas rasminya sebagai seorang guru sama ada di sekolah ataupun menggunakan masa di luar waktu sekolah.

Selain itu, beban tugas juga boleh dirujuk sebagai satu bentuk tangggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh guru walaupun tanggungjawab ini tidak disenangi (Cooper, B. (2015, January 16). Tugas-tugas ini termasuklah berkaitan pengajaran dan pembelajaran, aktiviti ko-kurikulum, pengurusan fail, mesyuarat dan apa-apa yang bersangkutan dengan tugas rasmi sebagai seorang guru sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Beban tugas ini juga meliputi aktiviti yang tidak menekan kepada aktiviti bilik darjah tetapi mempunyai perkaitan dengan visi dan misi sekolah.

1.10.4 Salah Laku Pelajar

Menurut De Vries, R. E., Bakker-Pieper, A., Konings, F. E., & Schouten, B. (2013), salah laku pelajar merujuk kepada disiplin pelajar di dalam kelas, pelajar yang bising, pelajar yang kurang sopan dan nakal *(cheeky)*, kesukaran mengawal di dalam satu-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu kelas dan sikap negatif pelajar terhadap pelajaran dan tugasan yang diberikan oleh guru. Salah laku pelajar ini juga merujuk kepada segala perlakuan atau tingkah laku pelajar yang merangkumi sikap, tabiat, kelakuan, minat, personaliti dan disiplin pelajar. Antara karenah pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar yang bising, kurang sopan atau biadab dan pelajar yang bersikap negatif terhadap pengajaran dan tugasan yang diberikan oleh guru. Selain itu, pengurusan bilik darjah seperti kesukaran mengawal atau mengurus sesuatu kelas, mengekalkan disiplin bilik darjah dan menguruskan kelas yang bersaiz besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.5 Penghargaan

Setiap orang yang bekerja mengharapkan penghargaan untuk memperolehi kepuasan kerja dari tempatnya bekerja. Pada dasarnya penghargaan merupakan hal yang bersifat individu kerana setiap individu itu akan memiliki tingkat kepuasan yang berbeza-beza sesuai dengan nilai-nilai yang berlaku dalam setiap diri individu Ediger, M. (2014).Semakin banyak aspek dalam pekerjaan yang sesuai dengan keinginan individu, maka semakin tinggi tingkat penghargaan kerja yang dirasakan dan begitulah sebaliknya.Menurut Saari, L.M. & Judge, T.A.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2014) penghargaan seseorang guru merujuk kepada kepuasan kerja ke atas pengajaran yang baik, struktur kerjaya, peluang pangkat, suara di dalam membuat keputusan dan persepsi guru terhadap gaji yang diterima berbanding tugas.

1.10.6 Kekangan Masa dan Sumber

Menurut Englander, M. (2012), kekangan sumber merujuk kepada kekurangan peralatan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, keadaan bilik guru, kelas yang besar, tuntutan sukatan pelajaran, kekurangan masa untuk membimbing pelajar dan masa rehat yang singkat.

1.10.7 Hubungan Antara Personal

Menurut Eunson, B., (2012), hubungan antara personal ataupun hubungan interpersonal dalam konteks ini berkaitan dengan sikap dan tingkah laku guru-guru yang lain tekanan dari ibu bapa atau waris pelajar. Hal ini melibatkan hubungan antara guru dan guru, guru dan guru besar, guru dan pegawai pendidikan atau Kementerian Pendidikan serta hubungan antara guru dan ibu bapa atau waris pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 RUMUSAN

Kajian ini penting dilakukan kerana dapatan kajian akan menentukan aras tekanan yang telah dialami oleh para guru disebabkan lima faktor seperti beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber dan hubungan antara personal. Sekiranya berlaku tekanan isu yang telah dibangkitkan, langkah-langkah selanjutnya harus diambil untuk menangani fenomena ini. Ini adalah kerana ianya akan membawa implikasi yang amat besar kepada individu dan institusi pendidikan. Dengan menyedari dan memahami kewujudan masalah tekanan kerja dalam dunia pendidikan, pihak tertentu akan cuba mencari penyelesaiannya agar dapat menjamin dan mempertingkatkan lagi profesion perguruan di Malaysia. Kajian literatur yang berkaitan sama ada dari luar atau dalam negara akan dibincangkan pada bab yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Banyak kajian telah dijalankan ke atas tekanan kerja yang dihadapi oleh para guru sama ada di dalam atau di luar negara. Kajian-kajian telah menghasilkan beberapa pendapat, maklumat dan langkah penyelesaian. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyedari masalah yang timbul dan akan mencari penyelesaian masalah ini. Masalah tekanan kerja ini dikatakan berpunca daripada beberapa faktor tekanan seperti beban tugas, salah laku pelajar, kekangan masa dan sumber, perhubungan antara personal dan penghargaan. Justeru itu, topik ini amat penting untuk dikaji dan mengkaji tentang faktor yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan para guru. Dalam bab dua ini, pengkaji membincangkan tentang konsep tekanan kerja dan model yang berkaitan tekanan kerja. Pengkaji turut mengemukakan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji sama ada dalam negeri atau luar negeri tentang kajian yang berkaitan dengan tekanan kerja dalam kalangan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 PUNCA-PUNCA TEKANAN KERJA

Guru adalah merupakan individu yang penting dalam menghasilkan mutu pendidikan yang berkualiti, namun begitu tekanan yang sering dialami oleh guru boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru dan seterusnya mempengaruhi pula produktiviti, prestasi dan kecekapan guru. Oleh itu para penyelidik telah cuba mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi punca tekanan di kalangan guru. Dapatan menunjukkan bahawa faktor fizikal dan demografi adalah merupakan dua faktor yang menjadi punca tekanan tersebut.

Faktor fizikal yang dinyatakan di sini termasuklah situasi pekerjaan guru di sekolah, tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan kepada mereka, tuntutan masa, suasana pelajar termasuk budaya, nilai, sikap, tingkah laku dan disiplin,serta keadaan sekolah itu sendiri meliputi norma, budaya pentadbiran dan komunikasi di kalangan guru-guru serta staf sekolah tersebut.

Skaalvik, E. M. & Skaalvik, S. (2011), telah mendapati tiga perkara utama dalam faktor fizikal yang boleh menyebabkan tekanan iaitu situasi kerja guru, persepsi yang berbeza diantara peranan yang tersurat dan tersirat dalam pekerjaan mereka dan masalah-masalah sampingan seperti salah faham serta masalah pelajar. Siti Rohani Md. Sharif, (2011) juga telah mengkategorikan pekerjaan guru yang sebenar adalah termasuk disiplin pelajar dan bebanan kerja yang bertimbun. Pandangan ini telah disokong oleh Zamzam Mohd Walid & Nor Azila Mohd Noor (2011). Hasil kajian mereka mendapati bahawa soal gaji, layanan pengetua, bebanan tugas, ditambah pula dengan polisi-polisi kementerian, jabatan dan pihak sekolah serta peluang untuk memajukan diri adalah punca tekanan kepada guru-guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan-perubahan yang sering berlaku dalam polisi ini mempengaruhi tekanan kerja guru. Ia juga akan menghasilkan masalah-masalah lain seperti perubahan kurikulum, perubahan organisasi, perubahan sistem, seterusnya perbezaan tahap dan budaya pelajar yang digabungkan dalam sebuah kelas untuk dihadapi oleh guru (Yusof Boon & Bibi Sakinah Haron Khan (2011).

McCormick, J. (2017), dalam kajian mereka terhadap guru-guru di sekolah tinggi di Amerika juga mendapati bahawa punca utama tekanan di kalangan guru adalah bebanan tugas lain seperti membuat kertas kerja, mengutip derma, menjalankan kajian, surat-menyurat, fail-fail, dan lain-lain lagi di samping tugas-tugas mengajar yang sedia banyak. Guru-guru juga terpaksa membuat tugasan dan menyiapkan mengikut waktunya sama ada di dalam atau di luar waktu bertugas. Ini akan menyebabkan mereka hanya mempunyai waktu rehat yang terhad sama ada pada hujung minggu atau waktu cuti sekolah. Menurut Nor Azizah Mohd Salleh (2014), situasi ini merupakan tekanan yang terpaksa dihadapi oleh guru-guru sekolah. Bahari bin Mat (2017), turut mendapati bahawa persepsi kekurangan masa untuk melaksanakan pelbagai tugasan itu juga menjadi punca tekanan.

Kajian yang dijalankan oleh Mazlan Aris (2012) pula mendapati sikap negatif pelajar terhadap pelajaran juga adalah merupakan faktor tekanan yang sangat stress kepada guru-guru. Dapat beliau tersebut adalah sama dengan apa yang dilaporkan dari penyelidikan di United Kingdom (Farber,B. & Miller, J., 2012) dan di Amerika Syarikat (Tokalkar, P. dan Coorert, M. D. 2014). Dapatan ini menerangkan bahawa kecewanya guru-guru yang telah bertungkus-lumus menyediakan rancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengajar sama ada di sekolah atau di luar sekolah untuk menyampaikan yang terbaik kepada pelajar, tetapi terpaksa berhadapan dengan pelajar yang tidak kisah terhadap pelajaran serta tidak mahu membuat kerja rumah dan memiliki sikap sambil lewa.

2.3 TEKANAN KERJA DARI KAJIAN DALAM NEGARA

Kajian berkaitan dengan tekanan kerja atau stres kerja yang melibatkan guru telah banyak dijalankan di negara kita pada masa sekarang. Ini disebabkan isu tekanan kerja atau stres yang dialami oleh guru semakin mendapat perhatian memandangkan banyak perubahan dalam dunia pendidikan yang menyebabkan ramai kalangan guru merungut dengan dunia pekerjaan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Sazali Noordin (2017), berkaitan stress pekerjaan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah Kuala Kangsar, Perak yang melibatkan 235 responden dari lapan buah sekolah di Daerah Kuala Kangsar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara stres pekerjaan yang dialami oleh guru dengan faktor demografi seperti jantina, status perkahwinan,umur, tempoh perkhidmatan, kelayakan akademik dan lokasi sekolah mengajar. Walaubagaimanapun terdapat perhubungan yang signifikan antara stres dengan punca yang menyebabkan stres di mana punca utamanya ialah skim perkhidmatan.

Selain itu, jumlah waktu mengajar dan tekanan masa yang terhad dalam tugas juga menyebabkan guru mengalami ketegangan. Guru juga terpaksa membuat persediaan mengajar, menyemak buku latihan, kerja-kerja perkeranian seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengisi borang, menaip surat, menyediakan minit mesyuarat serta menjadi penasihat persatuan, kelab dan sukan. Di samping situasi pekerjaan, begitu juga tingkah laku murid dan keperluan menjadi nilai standard sesebuah sekolah (Ahmad Azhari, 2016).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Rosmawati Abdullah (2015), tentang tekanan kerja di kalangan guru-guru di sekolah menengah pula menyatakan faktor-faktor kerjanya meliputi faktor persekitaran kerja, bebanan tugas, peluang perkembangan kerjaya, perhubungan dalam organisasi dan tingkah laku pelajar. Dapatannya menunjukkan punca yang merupakan faktor utama ialah dari kategori tingkah laku pelajar seperti murid tidak sopan, tidak berdisiplin dan tidak berminat untuk belajar. Akan tetapi Mokhtar (2018), dalam kajiannya menunjukkan kelima-lima faktor yang dikaji iaitu salah laku pelajar, beban tugas, kekurangan masa dan sumber, perhubungan antara personal dan penghargaan sama-sama penting di dalam menyumbang kepada tekanan kerja guru.

Hamedi (2012) mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru dan petanda-petanda stres yang dialami oleh guru. Dalam kajian ini, faktor yang dikaji adalah peraturan sekolah, ciri tugas guru, hubungan interpersonal dan masalah murid. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan rawak berkelompok. Guru-guru yang dipilih sebagai subjek kajian adalah guru yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama setahun di sekolah masing-masing telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Data yang diperolehi dianalisis melalui program computer SPSS-X.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa punca stres yang utama ialah faktor-faktor daripada ciri masalah murid iaitu purata minnya 3.30, kedua faktor-faktor daripada ciri tugas guru iaitu minnya 2.93, ketiga faktor-faktor daripada ciri hubungan interpersonal iaitu purata minnya 2.45. Dapatan kajiannya menunjukkan tiada hubungan signifikan di antara stres guru dengan faktor-faktor demografi.

Menurut Noran Fauziah, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie' & Rahil Mahyuddin (2012) juga telah menjalankan satu kajian tentang stres dalam kalangan guru wanita yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup dari daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Objektif kajiannya ialah untuk menentukan tahap stres dalam kalangan guru-guru tersebut dan untuk memberi penerangan stres dari dua pembolehubah bebas, iaitu beban kerja dan faktor pelajar. Data telah diperolehi melalui soal selidik yang telah dibentuk khas untuk mengukur stres , beban kerja dan faktor pelajar. Melalui soalan terbuka pula, kajian ini juga telah mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor lain yang menyebabkan stres. Dapatan kajian menunjukkan 50 peratus daripada responden berada dalam kategori tidak stres dan yang 50 peratus lagi berada dalam keadaan stres. Apabila analisis regresi dibuat ke atas stres, didapati sebanyak 72 peratus daripada varian stres adalah disebabkan oleh kedua-dua faktor iaitu beban kerja dan faktor pelajar.

Arsyad (2013) pula, dalam kajiannya mendapati kebanyakan guru (87.7%) mengalami tahap tekanan kerja sederhana, (12.3%) guru mengalami tahap tekanan kerja tinggi dan tiada guru yang mengalami tahap tekanan kerja rendah. Analisis adalah berdasarkan lima faktor yang dikaji iaitu salah laku murid, kekangan masa dan sumber, bebanan tugas, penghargaan dan perhubungan antara rakan setugas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan tahap tekanan kerja yang siginifikan yang wujud baik dari segi sekolah, umur, jantina, pengalaman kerja dan bidang mata pelajaran utama guru mengajar.

Menurut Mazita Mazlan (2015), pihak pentadbir sekolah juga merupakan salah satu faktor yang membawa tekanan kerja kepada guru. Kegagalan pihak pentadbir memahami akan masalah guru serta kurang pengawalan personal boleh merosakkan kualiti pendidikan yang akan diterima oleh pelajar. Bagi kajian Hamzah Said (2014) tentang tekanan kerja guru di daerah Klang menunjukkan faktor pelajar, beban tugas dan kekurangan masa menjadi punca utama yang menyebabkan tekanan kepada guru.

Zakiah (2015) telah mengkaji tahap dan punca stres kerja di kalangan 78 orang guru Sekolah Rendah Zon Bandar di daerah Kota Tinggi, Johor. Beliau mendapati bahawa faktor kekangan masa dan sumber telah muncul sebagai faktor stres yang paling ketara, diikuti oleh faktor salah laku murid, beban tugas, penghargaan dan hubungan interpersonal. Seramai 48 orang responden mengalami stres yang sederhana, 20 orang responden tertekan pada tahap tinggi dan 10 orang responden mengalami stres yang rendah. Secara keseluruhannya, responden-responden beliau telah mengalami stres pada tahap sederhana.

Bagi Ramli (2013), telah menjalankan kajian terhadap 53 orang guru-guru bengkel bersiswazah dan bukan siswazah di sekolah-sekolah menengah di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan untuk mengenal pasti tahap dan punca stres kerja guru. Dalam kajiannya, empat faktor stres guru telah dikaji iaitu faktor salah laku pelajar, perhubungan interpersonal, penghargaan dan kekangan masa dan sumber. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian menunjukkan faktor salah laku murid dan penghargaan telah menyebabkan stres yang tinggi kepada responden. Manakala dua faktor yang lain telah menyumbang stres yang sederhana kepada responden. Di samping itu, faktor salahlaku pelajar telah dikenal pasti merupakan punca stres guru yang paling ketara, diikuti oleh faktor penghargaan, hubungan interpersonal dan kekangan masa dan sumber.

Kajian yang dijalankan oleh Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd Noor & Mohd Burhan Ibrahim (2013), turut membuktikan bahawa beban kerja dan kekangan masa merupakan punca utama dalam menyebabkan stres kerja dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Johor Bahru dengan skor min tertinggi berbanding dengan faktor-faktor lain seperti salah laku pelajar, keadaan tempat kerja yang tidak memuaskan dan ethos sekolah yang tidak menyenangkan. Faktor-faktor ini memberi skor min yang lebih kurang berbanding dengan faktor beban kerja dan kekangan masa.

Chua Bee Seok (2014), telah menjalankan satu kajian berkaitan stres pekerjaan, kepuasan kerja, masalah kesihatan mental dan strategi daya tindak ke atas 140 orang guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Alat kajian yang digunakan adalah "*Occupational Stress Indicator*" (OSI) versi Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan Sumber stres 'terlalu banyak kerja' dilaporkan merupakan sumber stres yang paling dirasai oleh guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah yang dikaji. Manakala dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara guru lelaki dan guru perempuan sama ada dalam sumber-sumber stres pekerjaan, strategi daya tindak, kepuasan kerja ataupun masalah kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mental. Keputusan ini menunjukkan strategi daya tindak tidak memberi kesan dalam hubungan antara keenam-enam sumber stres pekerjaan (faktor intrinsik dalam kerja, peranan dalam pengurusan, hubungan dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, iklim dan sruktur organisasi dan halangan kerja/rumah) dengan masalah kesihatan mental.

Dalam kajian Rozainum Ahmad (2016), faktor-faktor stres adalah faktor- faktor interpersonal, faktor diri, faktor organisasi, faktor kekurangan sumber dan factor luaran. Punca-punca stres berbeza antara satu individu dengan individu yang lain. Menurut beliau, punca-punca stres adalah dikategorikan iaitu individu, interpersonal organisasi, masyarakat dan lain-lain iaitu budaya, negara, antarabangsa atau sejagat. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru pelatih terpaksa melalui jadual tugasan dan latihan yang padat dan ketat di maktab-maktab perguruan. Dalam kajian itu juga, guru-guru pelatih mengalami stres apabila mereka di tempatkan jauh dari kampung halaman mereka sendiri. Kajian ini merangkumi 208 pelatih di dua buah maktab perguruan di selatan tanah air.

Menurut Tee Sook Kim (2016), turut menjalankan berkaitan stres kerja dalam kalangan guru aliran teknik di sekolah menengah teknik di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Faktor stres kerja yang dikaji termasuklah factor salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, penghargaan dan perhubungan interpersonal. Seramai 92 orang guru aliran teknik dari sembilan buah sekolah menengah teknik di tiga buah negeri, iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah dipilih secara rawak (kluster atas kluster) untuk dilibatkan dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah "*Teacher Stress Inventory*" yang dibentuk oleh Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995) yang telah diubahsuai oleh Mokhtar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2018), Mazlan (2012) dan juga penyelidik sendiri. Kajian rintis telah dijalankan dikalangan 20 orang guru aliran teknik di sebuah sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru. Darjah kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ialah 0.982.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres kerja dalam kalangan responden berada pada tahap yang sederhana. Faktor salah laku pelajar telah dikenal pasti sebagai faktor utama stres kerja dalam kalangan responden diikuti oleh factor beban tugas, faktor kekangan masa dan sumber, faktor penghargaan dan factor perhubungan interpersonal. Kelima-lima faktor ini telah menyebabkan stres kerja yang sederhana pada guru aliran teknik yang terlibat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan stres kerja yang signifikan dalam kalangan responden mengikut jantina, status perkahwinan dan kelulusan akademik tertinggi. Di samping itu, stres kerja responden juga dibuktikan tidak berhubung secara signifikan dengan umur, pengalaman mengajar dan pendapatan gaji sebulan mereka.

Menurut Woo Sew Fun (2014), telah menjalankan kajian berkaitan faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Wilayah Persekutuan. Seramai 50 orang guru dari tiga buah sekolah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik "*Teacher Stres Inventory*" yang digunakan oleh Boyle, Borg, Falzon & Baglioni (1995) dan telah diubahsuai oleh Mokhtar (2018). Hasil daripada penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa guru-guru mengalami tekanan pada tahap sederhana. Manakala dari segi faktor-faktor pula mendapati bahawa semua faktor yang dikaji iaitu faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karenah pelajar, faktor bebanan tugas, faktor kekangan masa dan faktor penghargaan menunjukkan stres yang dialami hanya pada tahap sederhana sahaja. Dalam kajian Chun Cheng Chuan (2011) menyatakan bahawa secara umum dapatan kajian menunjukkan faktor yang menyebabkan tekanan kerja di kalangan guru ialah pelajar yang ingkar mematuhi arahan, suka mengeluarkan kata-kata kesat, terlalu banyak kerja lain yang dibebankan, membuat kerja-kerja perkeranian, pengagihan tugas yang tidak seimbang dan tidak ada masa berehat. Tahap kepuasan kerja guru Pendidikan Jasmani pula adalah pada tahap yang memuaskan. Dapatan turut menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara tekanan kerja dengan tahap kepuasan kerja guru Pendidikan Jasmani.

Azizi Yahaya dan Mazeni Ismail (2014) telah menjalankan satu kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan guru sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan faktor-faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru sekolah-sekolah menengah. Seramai 400 orang guru dari 16 buah sekolah menengah di empat buah negeri yang dipilih secara kelompok atas kelompok yang terdiri daripada soal selidik lebihan kerja, hubungan interpersonal dan persekitaran kerja (*Adminstrative Stress Indeks – ASI*) dan soal selidik ketandusan emosi, depersonalisasi dan kejayaan diri (*General Health Questionnaire – GHQ*). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor-faktor stres dalam kalangan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Para guru menyatakan bahawa tahap stres guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Faktor kejayaan diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan faktor yang paling mempengaruhi stres guru. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor stress dengan umur, bilangan anak dan pengalaman seseorang guru, tetapi didapati faktor kejayaan diri terdapat hubungan dengan pengalaman.

2.4 KONSEP TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU

Tiada definisi yang khusus terhadap istilah tekanan kerja. Pengkaji-pengkaji tidak mencapai kata sepakat secara tepat maksud tekanan kerja. Menurut Syed Sofian dan Rohany Nasir (2010), tekanan kerja guru ialah emosi negatif seperti kemarahan, keresahan, ketegangan, kekecewaan dan kemurungan yang dialami oleh seseorang guru akibat daripada aspek tugas guru yang dipersepsikan ancaman terhadap kebahagiaan atau kesejahteraan psikologi dan fizikal. Sapora Sipon (2010) menyatakan tekanan kerja sebagai satu proses tindak balas yang tingkah laku, emosi, mental dan fizikal disebabkan oleh tekanan yang berlarutan, pertambahan tekanan atau tekanan baru, yang lebih kuat daripada daya tindak atau kawalan secara signifikan.

Takrifan yang diberikan oleh Chan, Chen, & Chong, (2010) kepada tekanan kerja guru ialah pengalaman yang dialami oleh guru berhubung dengan emosi yang tidak menyenangkan seperti ketegangan, kekecewaan, kebimbangan, kemarahan, dan kedukacitaan, yang bersebab daripada aspek-aspek pekerjaan sebagai seorang guru. Tekanan kerja kerap berlaku sama ada secara sedar atau tidak. Kekuatan untuk menghadapi tekanan bergantung kepada kemampuan seseorang individu.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Dollard, dan Bakker, (2010), tekanan terjadi apabila berlakunya ketidakseimbangan di antara tuntutan dan kemampuan seseorang individu. Bagi individu yang mempunyai tahap kawalan yang rendah, ianya sering menghadapi tekanan yang lebih berbanding mereka yang melihat sesuatu tuntutan daripada persekitaran secara yang lebih positif. Satu model tekanan kerja guru telah dibentuk oleh Rasidah Arshad & Suryati Ahmad Zawawi (2010) sebagai asas kepada kajian mengenai tekanan kerja dalam kalangan guru dan disiplin lain. Model ini dibentuk dengan berpegang kepada konsep tekanan kerja guru sebagai satu sindrom gerak balas terhadap kesan negatif seperti kemarahan dan kemurungan yang dialami oleh para guru. Selain daripada itu, potensi perubahan psikologikal patogenik dan biokimia yang berpunca daripada aspek pekerjaan guru dan perantara yang dipersepsikan turut mendatangkan ancaman terhadap harga diri atau kesempurnaan diri guru tersebut. Daya tindak untuk mengawal atau menangani ancaman akan digiatkan untuk mengurangkan sesuatu ancaman yang dipersepsikan(Rujuk Rajah 2.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Model Tekanan Kerja Guru

(Sumber: Rasidah Arshad & Suryati Ahmad Zawawi (2010)

Berdasarkan model di atas, Rasidah Arshad & Suryati Ahmad Zawawi (2010) membezakan antara punca tekanan kerja berpotensi (1) daripada punca tekanan kerja sebenar (3). Punca tekanan kerja berpotensi ialah aspek-aspek objektif kerja guru seperti beban tugas yang banyak dan kebisingan yang memungkinkan tekanan kerja berlaku (5). Punca tekanan kerja berpotensi hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan menyebabkan tekanan kepada guru jika ianya dianggap oleh guru sebagai ancaman kepada harga diri dan kesejahteraan dirinya (2). Penilaian yang dibuat oleh guru terhadap tuntutan ke atasnya bergantung kepada interaksi di antara ciri-ciri individu (7) dan tanggapan guru itu sendiri.

Punca tekanan kerja sebenar merupakan subset kepada punca tekanan berpotensi. Ianya masih wujud di dalam persekitaran guru, tetapi dianggap secara berlainan daripada baki set punca tekanan kerja berpotensi yang lain. Mekanisma daya tindak (4) merupakan keupayaan individu untuk menangani punca tekanan sebenarnya oleh individu. Tekanan guru adalah berkaitan secara langsung dengan tahap ketidakupayaan mekanisma daya tindak menangani punca tekanan sebenar dan sejauhmana tahap guru mentafsir ancaman. Jelasnya tekanan dilihat sebagai respon terhadap pengaruh negatif seperti kemarahan, kemurungan, yang biasanya akan diikuti oleh keadaan lain yang dianggap sebagai tindakbalas berkaitan dengan tekanan kerja guru (5). Respon-respon ini boleh berupa perubahan psikologi seperti ketidakpuasan kerja, perubahan fisiologi seperti tekanan darah tinggi, atau perubahan tingkah laku seperti tidak hadir bekerja.

Tekanan kerja dalam kalangan guru bukan sahaja berpunca daripada beberapa faktor seperti beban tugas, salah laku pelajar, kekangan masa dan sumber, keperluan penghargaan dan hubungan personal guru tersebut. Malah ciri demografi seseorang guru tersebut seperti jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar dan pendapatan turut mempunyai kaitan dengan tekanan kerja. Daya tindakan seseorang terhadap tekanan akan menentukan tinggi rendahnya aras tekanan kerja yang dihadapinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 bagi melahirkan mutu pendidikan bermutu tinggi dan cemerlang, Malaysia memerlukan golongan pendidik yang mempunyai daya usaha yang tinggi, cekap, cerdas dan berproduktiviti tinggi. Matlamat ini hanya dapat dicapai sekiranya guru tidak mengalami pelbagai cabaran dan tekanan di tempat kerja. Cabaran yang tidak dapat diatasi oleh para guru boleh menyumbang kepada tahap tekanan kerja yang tinggi. Fisher, M. H. (2011) menyatakan bahawa tekanan kerja dalam kalangan guru merupakan satu halangan kepada produktiviti kerja yang baik dan memberi kesan kepada fizikal dan psikologikal guru. Di antara kesan yang wujud ialah ketidakhadiran guru untuk bertugas di sekolah. Tekanan kerja juga dilihat sebagai punca kepada penurunan kualiti kerja dan keinginan meninggalkan profesion tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 TEORI-TEORI TEKANAN KERJA

Di antara teori-teori yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah Model Tekanan Guru (Boyle, Borg, Falzon & Baglioni, 1995), Teori Selye (1974), Model Teori Jaafar Muhamad (2010), Model Tekanan Kyriacou dan Sutcliffe (1978), Teori Maslow (1954) dan Teori Alderfer (1972).

2.5.1 Model Tekanan Guru (Boyle, Borg, Falzon & Baglioni, 1995)

Model yang dibentuk oleh Boyle, Borg, Falzon & Baglioni berpandukan kepada lima sumber yang mempengaruhi tekanan di kalangan guru. Lima sumber itu ialah beban kerja, karenah pelajar, pengiktirafan professional, sumber pengajaran dan perhubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan rakan sekerja yang kurang baik. Berdasarkan Model Tekanan Guru, kelima-lima faktor iaitu bebanan kerja, karenah pelajar, pengiktirafan professional, sumber pengajaran, perhubungan kurang baik dengan rakan sekerja merupakan faktor utama yang menyebabkan tekanan kepada guru. Walau bagaimanapun dalam kajian yang mereka lakukan berpendapat bahawa di antara lima faktor utama ini, bebanan kerja dan salah laku pelajar menjadi penyumbang utama terhadap tekanan yang dialami oleh guru berkenaan dan diikuti oleh faktor-faktor lain.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Teori Selye (1974)

Satu teori tentang fenomena tekanan dan aspek biologikal telah diutarakan oleh Selye (1974). Teori ini adalah tindak balas yang tidak spesifik oleh tubuh terhadap apa-apa rangsangan atau permintaan. Dan ia dikenali sebagai Sindrom Adaptasi Am**.** Ia dikatakan Am kerana tindak balas dihasilkan oleh tubuh adalah sama kepada apa-apa bentuk rangsangan menyebabkan tekanan. Ia pula dinamakan sindrom kerana manifestasi reaksi adalah berkaitan antara satu sama lain. Terdapat tiga tahap asas perkembangan yang berlaku semasa tekanan berlaku iaitu tahap bersedia dan berjaga-jaga, tahap penentangan dan tahap kelesuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Model Tindak Balas Sindrom Penyesuaian Umum.

(Sumber: Selye, H., *The Stress Of Life, 1976*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila wujudnya tekanan pada kali pertama, untuk kadar jangka masa yang mempunyai tahap rintangan yang lebih rendah dari tahap normal. Tekanan darah naik apabila berlakunya gangguan dalam perut. Tekanan jangka pendek dapat diselesaikan pada peringkat ini. Tekanan ini dikenali juga sebagai tindak balas tekanan.

Sekiranya tekanan berterusan disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan, ia akan mengakibatkan pengurangan ketahanan dan simptom fizikal yang serius akan berlaku. Apabila berlakunya tekanan yang tidak dapat dikawal, badan akan kehabisan tenaga dan mengalami keletihan. Apabila di tahap kelesuan, kematian akan berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.3 Model Teori Jaafar Muhamad (2010)

Jaafar Muhamad (2010), telah menekankan tiga kumpulan faktor yang berpontensi mewujudkan tekanan. Tiga kumpulan faktor tersebut adalah faktor persekitaran, faktor organisasi dan faktor personal.

(a) Faktor Persekitaran

Ketidaktentuan persekitaran memberi kesan kepada tingkat tekanan di dalam kalangan pekerja dalam organisasi dan juga reka bentuk struktur organisasi. Faktor-faktor persekitaran terdiri daripada ketidakpastian ekonomi, ketidakpastian politik dan ketidakpastian teknologi.

(i) Ketidakpastian Ekonomi.

Ketidakpastian ekonomi terjadi akibat perubahan dalam arena perniagaan. Apabila ekonomi meleset, masyarakat menjadi bertambah bimbang dengan kehidupan mereka dan boleh meningkatkan tahap tekanan.

(ii) Ketidakpastian Politik.

Ancaman dalam sistem politik dan perubahan dalam struktur pemerintahan negara boleh menjadi rangsangan kepada tekanan. Pekerja akan menjadi bimbang dan tidak selamat apabila keadaan politik tidak menentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Ketidakpastian teknologi.

Inovasi yang baru menjadikan kaedah dan pengalaman para pekerja ketinggalan zaman dan tidak sesuai digunakan lagi pada waktu ini.

(b) Faktor Organisasi

Faktor-faktor organisasi yang menjadi punca tekanan ialah struktur organsasi, perubahan organisasi, politik organisasi, kekaburan organisasi, beban kerja yang berlebihan, kebosanan kerja dan kurang sokongan kumpulan (Hoglund, W. L. G., Klingle, K. E. & Hosan, N. E. (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Struktur Organisasi

Struktur organisasi merujuk kepada penyusunan dan perhubungan yang sistematik antara jabatan dan kedudukan seseorang dalam organisasi.(Jennings, P., Snowberg, K., Coccia, M., & Greenberg, M. (2011). Individu di peringkat atasan akan tertekan dengan persaingan hebat, perebutan syer, pasaran bon, permintaan pengguna yang menurun, peraturan baru oleh kerajaan yang menyekat jualan firma dan sebagainya. Penyelia dan pengurus daerah yang berada di peringkat pertengahan akan tertekan dengan arahan dari pihak atasan serta aduan-aduan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat bawahan yang mempunyai kakitangan kurang mahir. Bagi peringkat bawahan, mereka mungkin tertekan dengan dasar dan peraturan organisasi yang terlalu banyak dan mengelirukan.

(ii) Perubahan Organisasi

Dari segi kebudayaan perubahan organisasi adalah teknologi dan dasar organisasi boleh memecahbelahkan aliran kerja dan perhubungan antara pekerja (Maslach, C., Jackson, S., & Leiter, M. (2016). Sesuatu perubahan akan menyebabkan tekanan kerana individu mempunyai keperluan dan kehendak yang berbeza. Ia akan menjadi lebih serius apabila perubahan dibuat tanpa persetujuan.

(iii) Politik organisasi

Politik organisasi merupakan kebolehan pihak atasan pengurusan menekankan politik dalam menentukan kedudukan mereka dalam hierarki pengurusan (Myer, J., Mann, M., & Becker, B. (2011). Pihak atasan akan memilih untuk berpihak kepada orang yang berpengaruh dan berwibawa untuk kepentingan kerjaya. Sekiranya ia berlanjutan, individu akan mengalami tekanan dari masa ke semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Kekaburan Peranan

Sekiranya seseorang itu tidak dapat maklumat yang cukup mengenai peranan kerja atau apabila ia tidak mendapat penjelasan tentang objektif peranannya, pandangan atau harapan rakan sekerja terhadap peranan dan skop tanggungjawab kerja, maka ia akan menjadi kekaburan peranan (Jaafar Muhamad, 2010). Individu ini akan mengalami kepuasan kerja yang rendah, tekanan kerja yang tinggi dan perasaan bahawa dirinya tidak berguna
dan keyakinan diri turut merosot.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(v) Berlebihan Beban Kerja.

Pekerja menjadi resah dan bingung apabila beban kerja yang berlebihan kerana khuatir sekiranya kerja yang diarahkan tidak dapat disiapkan mengikut masa. Pekerja berkenaan akan mudah berasa tertekan dan marah. Skaalvik, E. M. & Skaalvik, S. (2011) menegaskan bahawa beban kerja dalam sesuatu bidang pekerjaan yang ditanggung oleh seseorang pekerja yang bersifat keterlaluan boleh membawa kepada kesan negatif sama ada terhadap pekerja itu sendiri mahupun kepada organisasi di mana mereka bekerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(vi) Kebosanan Beban Kerja.

Individu-individu yang berasa bosan dan tidak puas dengan kerja, akan mengalami tekanan. Tanda-tanda yang ditunjukkan oleh individu ini adalah peningkatan diri dari segi kebimbangan, kemurungan dan tidakkeselesaan. Individu yang menunjukkan darjah kebosanan yang tinggi dalam pekerjaan, mereka akan berasa bahawa kemahiran dan keupayaan mereka tidak digunakan dengan sepenuhnya dan menganggap kerja mereka kurang kompleks atau tidak mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(vii) Kurang Sokongan Kumpulan

Seseorang dikatakan mempunyai perhubungan dengan satu atau lebih dikatakan sebagai sokongan sosial. Perhubungan ini adalah satu interaksi berperasaan positif saling memahami dan sering menasihati serta menggalakkan antara satu sama lain. Tanpa sokongan dari kawan-kawan, seseorang itu mudah berasa terasing dan rendah diri serta membawa kepada kekecewaan dan tekanan dalam diri individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Faktor Personal

Jaafar Muhamad (2010) menyatakan bahawa kebanyakan individu bekerja sehingga jam 5 petang. Masa selebihnya dihabiskan dengan berhubung dengan masyarakat sekitar. Faktor-faktor individu utama yang dianggap personal meliputi faktor bentuk kelakuan, perubahan dalam kehidupan dan konflik peranan.

(i) Bentuk Kelakuan.

Dua jenis bentuk kelakuan adalah kelakuan jenis A dan kelakuan jenis B. Dalam tahun 1970-an, kelakuan jenis A mula dikaji. Kelakuan jenis A merupakan satu penilaian tahap yang paling kerap digunakan. Ia biasanya dikuasai oleh keupayaan menguasai masa. Individu cuba menyiapkan tugas yang banyak dalam masa yang singkat.

Ciri-ciri bentuk kelakuan jenis A adalah:

- Kerja rutin biasanya cuba dilakukan dalam masa singkat
- Tidak sabar untuk menunggu sesuatu kerja hingga selesai
- Individu akan sentiasa bertanya sama ada kerja itu sudah selesai atau sebaliknya.
- Cuba menyelesaikan dua atau lebih perkara secara serentak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Tidak dapat memanfaatkan masa lapang.
- Menilai sesuatu kejayaan dari segi kuantiti.

Kelakuan jenis B adalah berlawanan dengan kelakuan jenis A. Individu bagi kelakuan jenis B tidak menjadikan masa yang singkat sebagai mengukur kejayaan mereka. Antara kelakuan jenis B adalah:

- Tidak tergopoh-gopoh dalam menyelesaikan sesuatu pekara.
- Tidak berasa perlu menonjolkan pencapaian yang diperolehi melainkan ia benar-benar perlu dilakukan.
- Suka bersukan dan bersantai untuk merehatkan badan.
- Boleh berehat tanpa rasa bersalah.

Daripada kajian terbaru kelakuan jenis A lebih cenderung untuk mengalami tekanan semasa dan di luar waktu kerja. Kelakuan jenis A juga lebih berisiko mendapat penyakit jantung atau tekanan darah tinggi. Mereka mempunyai sifat moral yang kronik, berprasangka dan tidak amanah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Perubahan dalam kehidupan.


Tekanan kerja mungkin terjadi apabila berlakunya peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seseorang. Keadaan ini mempengaruhi prestasi kerja dan menjejaskan prestasi organisasi. Antara peristiwa-peristiwa dalam perubahan kehidupan adalah kematian teman hidup atau pasangan, perceraian, perpisahan, kematian ahli keluarga, perkahwinan, kelahiran dan sebagainya. Thomas, E, Bell, D., Spelman, M., Briody, J. (2015) ada menyebut semakin umur seseorang itu meningkat, semakin sukar seseorang itu untuk bertindak balas dengan tekanans. Hal ini kerana, proses penuaan boleh melemahkan sistem otak yang bertindakm balas dengan tekanan. Maka, proses tindak balas menjadi kurang berkesan.

(iii) Konflik peranan.

Apabila seseorang pekerja diberi arahan yang bertentangan dengan pihak atasan, maka timbullah konflik peranan. Konflik ini wujud apabila norma kumpulan yang tidak rasmi bercanggah dengan kehendak rasmi organisasi. Keadaan ini boleh menjadi tekanan kerana individu berhadapan dengan situasi yang mengelirukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Model Tekanan Kerja. (Sumber daripada Kelakuan Organisasi, Jaafar Muhamad, 2010)

2.5.4 Model Tekanan Kyriacou dani Sutcliffe (1978)

Menurut Kyriacou dan Sutcliffe (1978) menyatakan konsep tekanan kerja guru adalah satu sindrom gerak balas terhadap kesan negatif seperti kemarahan atau kemurungan guru. Ia berpunca daripada aspek guru dan perantara yang dianggap sebagai mendatangkan ancaman terhadap harga diri atau kesempurnaan diri dan gaya tindak untuk mengawal atau menangani ancaman akan dipraktikkan untuk mengurangkan sesuatu ancaman yang dipersepsikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model tekanan kerja ini turut membezakan punca tekanan kerja yang berpontesi daripada punca tekanan kerja sebenar. Aspek-aspek objektif kerja guru seperti beban tugas yang banyak dan keadaan bising yang memungkinkan tekanan berlaku merupakan punca tekanan kerja berpotensi. Jika guru menganggapkan punca tekanan kerja berpontesi sebagai ancaman kepada harga diri dan kesejahteraan dirinya, maka ia akan meyebabkan tekanan.

Sekiranya punca tekanan kerja berpotensi telah dianggap sebagai ancaman, maka ia dipanggil punca tekanan kerja sebenar. Punca tekanan kerja sebenar wujud dalam persekitaran guru, cuma tanggapan setiap individu adalah berlainan mengenai punca tekanan kerja. Bagi menangani punca tekanan kerja sebenar, mekanisme daya-daya tindak telah diperkenalkan. Sebahagian daripadanya ditentukan oleh ciri-ciri individu itu sendiri, di mana setiap individu menangani tekanan dengan cara yang berbeza. Tekanan guru selalu dikaitkan dengan tahap ketidakupayaan mekanisme daya tindak, menangani punca tekanan sebenar dan tahap guru mentafsir ancaman.

Tekanan guru dilihat sebagai respon atau tindak balas terhadap pengaruh negatif seperti kemarahan dan kemurungan yang biasa disusuli dengan keadaan lain yang dianggap sebagai respon

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan dengan tekanan guru. Respon-respon ini merupakan perubahan psikologi seperti ketidakpuasan kerja, perubahan fisiologi seperti tekanan darah tinggi atau perubahan tingkah laku seperti tidak hadir bekerja.

Model tekanan kerja menerangkan bahawa tekanan guru adalah hasil daripada tanggapan atau taksiran guru terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat terhadap dirinya, ketidakupayaan atau kesukaran memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut dan apabila seseorang gagal memenuhinya merupakan ancaman kepada kesejahteraan mental dan fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

2.6 KAJIAN KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

Tekanan kerja yang dihadapi oleh guru dikatakan bukan sahaja berasal daripada faktor persekitaran malah turut menjadi puncanya adalah psikologi dan ciri demografi seseorang guru tersebut (Aguayo, R., Vargas, C., de la Fuente, E.I., & Lozano, L.M. (2011). American Institute for Stress (2015) telah menjalankan satu kajian ke atas 2135 orang guru di Newcastle yang terdiri daripada 1003 (47%) orang guru lelaki dan 1132 (53%) orang guru wanita. Dapatan kajian mendapati bahawa guru wanita adalah lebih menghadapi tekanan kerja dibandingkan dengan guru lelaki terutamanya guru wanita yang telah berkahwin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara sebab yang telah dikemukakan ialah guru wanita terpaksa menguruskan kerja rumahtangga seperti mengemas rumah, memasak dan menguruskan anak yang sedang bersekolah di samping menjalankan tugas sebagai guru di sekolah. Guru wanita juga akan lebih menghadapi tekanan kerja apabila berhadapan dengan pelajar yang nakal dan tidak menumpukan perhatian dalam kelas serta keadaan kelas yang tidak dapat dikawal.

Pengalaman mengajar turut menjadi satu penentu sama ada seseorang guru itu akan menghadapi tekanan kerja atau tidak. Kajian Biglan, A., Layton, G.L., Jones, L.B., Hankins, M., & Rusby, J.C. (2013) ke atas 3254 orang guru wanita mendapati bahawa guru wanita yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun akan kurang menghadapi masalah tekanan kerja jika dibandingkan dengan guru wanita yang mempunyai pengalaman mengajar yang kurang daripada 10 tahun. Guru wanita yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun didapati akan lebih mahir dalam menghadapi pelbagai perangai pelajar daripada mereka yang kurang berpengalaman mengajar. Mereka juga dikatakan dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam mengawal kelas dan menghadapi pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku. Hasil temubual pengkaji dengan responden mendapati bahawa kemahiran-kemahiran seperti ini tidak dapat dipelajari di dalam bilik kuliah tetapi adalah melalui pengalaman apabila menghadapi situasi yang sebenarnya dalam kelas.

Dapatan yang lebih kurang sama turut diperolehi dalam situasi di Malaysia. Kajian Woo Sew Fun, (2014) ke atas 200 orang guru daripada 10 sekolah mendapati bahawa guru wanita lebih tertekan dalam menjalankan tugas berbanding dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru lelaki. Di samping itu, guru yang berumur lebih daripada 35 tahun tertekan berbanding mereka yang berumur kurang dari 34 tahun. Dapatanya bercanggah dengan Brunsting, N.C., Sreckovic, M.A., & Lane, K.L. (2014) di mana beliau mendapati bahawa guru yang berpengalaman menghadapi lebih tekanan berbanding dengan guru yang kurang berpengalaman.

Profesion perguruan adalah profesion yang menghadapi tekanan kerja yang tinggi. Ini dibuktikan daripada dapatan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pelbagai dimensi faktor boleh menimbulkan tekanan kerja. Coman, D., Alessandri, M., Gutierrez, A. Novotny, S. , Boyd, B., Hume, K., Sperry, L., & Odom, S. (2013) merumuskan lima faktor utama yang menyumbang kepada tekanan kerja guru iaitu:

a) Salah laku pelajar

b) Kekangan masa dan sumber

c) Keperluan penghargaan

d) Hubungan antara personal yang buruk dan ;

e) Bebanan tugas

Kajian Zakiah Arshad (2015) ke atas 710 orang guru mendapati faktor yang menjadi penyumbang utama kepada tekanan kerja guru ialah beban tugas dan salah laku pelajar berbanding faktor lain. Zakiah Arshad (2015) mengaitkan simptom tekanan kerja dengan pengurusan bilik darjah yang kurang kawalan dari segi tingkah laku.Keadaan ini boleh menyebabkan kelesuan *(burnout)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memungkinkan guru memerlukan masa untuk berehat. Petunjuk kepada keadaan ini ialah ketidakhadiran yang tinggi dan kehendak untuk bercuti lebih daripada biasa . Hal ini dari satu sudut akan merugikan organisasi pendidikan itu sendiri.

Beban kerja yang membawa maksud terlalu banyak tugas yang perlu disiapkan, masa yang terlalu panjang, dan tekanan masa. Menangani hubungan staf merujuk kepada masalah hubungan interpersonal di antara staf, staf yang berasa tidak puas hati dan kurangnya penghargaan dan staf. Untuk melihat persepsi guru-guru terhadap faktor-faktor yang menyumbangkan kepada tekanan emosi guru berkaitan dengan pekerjaan mereka sebagai guru, Ramli Jusoh (2013) telah menjalankan satu kajian tentang tekanan kerja guru di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Kuala Lumpur. Responden kajiannya seramai 165 orang yang dipilih secara rawak. Beliau mengukur tahap tekanan di dalam tiga kategori iaitu, tekanan yang berpunca daripada peranan, tugas dan persekitaran.

Dapatannya menunjukkan faktor utama yang menjadi punca kepada tekanan kerja guru ialah berkaitan dengan tugas pentadbiran yang mana guru-guru mempunyai kuasa kawalan yang terhad dan juga bebanan kerja yang agak berat. Di antara guru dimestikan menyemak buku-buku latihan, hasil kerja bukan berbentuk latihan, membuat alat bantu mengajar, menyediakan lembaran kerja, menyediakan soalan-soalan peperiksaan, menyediakan ujian bulanan, menulis rancangan pengajaran tahunan, mingguan dan harian, mengisi borang-borang tertentu tentang maklumat pelajar serta melaksanakan acara-acara hari penyampaian hadiah dan mesyuarat agung PIBG. Secara keseluruhannya, majority

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru yang terlibat di dalam kajiannya mengalami tahap tekanan kerja yang sederhana.

Punca tekanan kerja dan tahap tekanan serta strategi yang digunakan untuk menangani tekanan dan hubungan di antara aras tekanan dengan kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan akademik universiti telah dikenal pasti dalam kajian Abu Bakar Hashim (2015). Dengan menggunakan "*Life Stress Scale",* 305 responden lelaki dan 109 responden perempuan diminta mengenal pasti lima punca utama yang menyebabkan tekanan dalam kehidupan mereka secara am dan di tempat kerja. Dapatannya mendapati 74.1% mengalami tekanan yang sederhana dan 10.4% mengalami tekanan kerja yang serius. Responden menyatakan beban kerja merupakan punca yang signifikan menyebabkan tekanan di dalam hidup mereka, dan melakukan penyelidikan adalah punca utama tekanan semasa bekerja.

Pada masa kini, tanggungjawab guru di sekolah ialah mengajar pelajar bersukan, berolahraga, membimbing mereka dalam persatuan atau kelab, mengawasi displin dan sebagainya.Selain daripada itu, guru turut diberi tugas seperti guru penasihat persatuan, setiausaha sukan sekolah, setiausaha peperikasaan,jawatan-jawatan penting dalam Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG).

Salah laku pelajar adalah suatu perkara yang sering diberi perhatian oleh kebanyakan sekolah. Guru sering menyatakan bahawa kemampuan untuk mengawal dan mentadbir bilik darjah adalah diberi keutamaan (Md Zabid Abdul Rashid, Juradah Abu Bakar dan Rahim Abdullah. (2010). Ahmad Johari Sihes dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ng Gek Lui. (2013) mendapati antara punca 33.8% daripada responden mereka mengalami aras tekanan di antara tinggi dan sangat tinggi adalah disebabkan oleh salah laku pelajar.

Asraf Mubarak Atan. (2013) mengkaji hubungan di antara polisi disiplin, salah laku pelajar dan tekanan kerja untuk menguji sama ada perubahan polisi disiplin di sekolah mampu mengurangkan tekanan kerja guru. Dapatan kajian menunjukkan walaupun program disiplin mampu mengurangkan tekanan kerja guru, tetapi ianya masih gagal untuk mengurangkan masalah salah laku pelajar. Keadaan ini menggambarkan masalah tekanan kerja guru akan berterusan kerana masalah disiplin pelajar menjadi satu puncanya. Begitu juga dalam kajian yang dijalankan oleh Hasmori, A. A., et al. (2011), beliau dapati bahawa faktor yang dominan dalam menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan responden beliau adalah salah laku pelajar. Secara amnya, aras tekanan kerja guru adalah pada aras sederhana dan tinggi, di mana 40% responden mengalami tekanan tinggi dan sangat tinggi, 40% sederhana, 17% mengalami tekanan rendah dan 2 % tidak menghadapi masalah tekanan kerja.

Faktor salah laku pelajar menambahkan lagi tekanan yang dihadapi oleh para guru. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). menyatakan di antara punca-punca yang menyebabkan tekanan kerja guru termasuklah tingkah laku pelajar, latihan guru, kekurangan kemahiran mengajar, rasa tidak diperlukan, organisasi yang sangat longgar, kritikan terhadap program sekolah, peralatan dan bangunan sekolah, pencerapan pengajaran pembelajaran, kebisingan, hubungan yang buruk antara staf, hubungan yang buruk dengan ibu bapa, status guru di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat, dan saiz kelas yang besar. Di antara faktor yang paling ketara menyebabkan tekanan kerja ialah bebanan mengajar, tidak cukup masa, rasa tidak diperlukan dan masalah motivasi serta kawalan terhadap murid.

Kesukaran mengendalikan pelajar atau kelas dalam proses pengajaran dan memenuhi kehendak pihak pengurusan,beban tugas yang tidak berkaitan dengan aktiviti pengajaran merupakan faktor yang dipersepsikan oleh kebanyakan guru mendatangkan tekanan kerja yang tinggi di dalam pekerjaan guru sekolah menengah di West Indian Barbados (Payne dan Furnham 1997). Dapatan kajian Payne dan Furnham (1997) mendapati guru perempuan menghadapi tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan guru lelaki dari segi faktor pengurusan masa dan faktor tingkah laku pelajar. Dari aspek profesionalisme, mereka melaporkan guru yang berkelulusan sijil pra-ijazah menghadapi tekanan yang tinggi berbanding guru yang berijazah. Bagi faktor keyakinan dan kompetensi guru, tahap tekanan adalah tinggi bagi guru-guru yang tidak berkelulusan berbanding guru yang mempunyai ijazah dan guru yang pernah mengikuti latihan profesional.

Tahap tekanan juga tinggi bagi guru yang kurang berpengalaman berbanding guru yang telah lama mengajar. Namum, bagi faktor keadaan kerja, guru yang mengajar di antara enam hingga 10 tahun rnengalami tekanan kerja yang tinggi berbanding kumpulan guru yang berpengalaman kurang daripada lima tahun dan guru yang berpengalaman 11 tahun ke atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks Malaysia pula, kajian yang dijalankan oleh R. Ravichandran and R. Rajendran (2017) cuba melihat punca-punca yang menyebabkan tekanan. Dapatannya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tekanan pekerjaan yang dialami oleh guru dengan faktor demografi seperti jantina, status perkahwinan dan pengalaman berkhidmat. Hasil kajian menunjukkan 43.9% responden sekolah kerajaan dan 47.9% responden sekolah swasta mengalami tahap tekanan pada aras sederhana sebagai orang guru.

Terdapat perkaitan yang signifikan di antara jantina dengan tekanan guru. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap tekanan kerja yang dilaporkan oleh responden sekolah kerajaan dan swasta. Dari aspek jantina, guru perempuan didapati menghadapi tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding guru lelaki. Guru yang kurang pengalaman mengajar juga mengalami aras tekanan yang tinggi berbanding guru yang lebih berpengalaman. Faktor salah laku juga memberikan tekanan yang lebih tinggi kepada guru perempuan. Guru yang berumur kurang dari 26 tahun mengalami tekanan yang tinggi berbanding kumpulan umur lain bagi faktor salah laku.

Masalah tekanan kerja guru juga sering dikaitkan dengan ketidakcukupan masa untuk menyempurnakan tugas mereka di sekolah, sikap pelajar, tuntutan kurikulum, penghargaan profesional yang rendah, persekitaran sekolah, serta sikap dan pandangan masyarakat terhadap tugas dan kerjaya guru (Alexander, V., Tripp, S., & Zak, P. J. (2015). Hubungan yang sukar dengan pelajar yang bermasalah dan kekangan masa menyebabkan tekanan yang lebih tinggi kepada guru. Pihak pentadbir sekolah juga merupakan salah satu punca tekanan kerja kepada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kegagalan pihak pentadbir untuk memahami dan peka dengan masalah guru boleh merosakkan kualiti pendidikan yang diterima pelajar (Barraza, J. & Zak, P. J. (2013) dalam kajian mereka ke atas 2 368 responden yang terdiri daripada guru besar, pengetua sekolah dan pegawai serta pengarah beberapa institusi pendidikan tinggi di seluruh England mendapati punca utama yang menyebabkan tekanan kerja ialah masalah dalam menangani hubungan antara guru dengan staf lain di sekolah.

Caruso, L. A., Giammanco, & Gitto, L. (2014) mendapati 33.6% responden dalam kajiannya mengalami tekanan di antara tinggi dan sangat tinggi. Beliau turut menyenaraikan faktor pelajar, tekanan masa dan kekangan sumber, keperluan penghargaan profesiona1, dan tuntutan kurikulum sebagai penyumbang kepada tekanan kerja guru. Seperkara lagi yang boleh menimbulkan tekanan kerja ialah campur tangan dari pihak atasan (DeSteno, D. (2015). Campur tangan birokratik dari pengurus-pengurus atasan. Kekurangan atau ketidakwujudan autonomi dipersepsikan sebagai kekurangan kawalan ke atas bagaimana kerja boleh dilakukan. Fenomena ini menunjukkan hubungan dan tuntutan pihak atasan dalam keadaan-keadaan tertentu boleh membawa kepada tekanan kerja. Fisher, D. (2012) turut merumuskan punca tekanan kerja guru bukan sahaja berpunca daripada bilik darjah.

Kurangnya sokongan dari rakan sejawat dalam penyertaan membuat keputusan dan rundingan serta kewujudan keadaan kekurangan peralatan dan sumber adalah di antara penyumbang kepada tekanan guru. Selain daripada itu, beliau juga dapati guru yang terpaksa menjalankan tugas di luar bidang pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pembelajaran dan dimestikan menghabiskan sukatan juga menekan guru. Pentadbir di sekolah merupakan pemimpin pendidik di sekolah dan bertanggungjawab secara langsung ke arah peningkatan sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Lantaran itu, pihak pentadbir tidak dapat elak daripada tanggungjawabnya sebagai seorang professional dan semestinya terlibat dengan program profesionalisme di sekolahnya.

Selain daripada itu, faktor personal dan psikologi juga menjadi punca kepada tekanan kerja guru Forsyth, P. B., & Adams, C. M. (2014). Faktor personal merangkumi pengalaman mengajar, bilangan tahun memegang jawatan sekarang, dan berapa kerap melakukan kerja sekolah di rumah. Faktor psikologi pula terdiri daripada konflik peranan (*role ambiguity)* dan kawalan *(locus of control).* Gallup. (2014) dalam kajiannya mendapati faktor utama menyebabkan tekanan kerja ialah salah laku pelajar, diikuti keadaan kerja dan tekanan masa, dan faktor hubungan antara staf.

Walau bagaimanapun, Greenberg, M. T., Brown, J. L., & Abenavoli, R. M. (2016) dalam kajiannya merumuskan bahawa tekanan kerja guru tidak mudah untuk dihubungkan dengan faktor-faktor jantina, pengalaman, personaliti, dan sebagainya. Beliau menyatakan mereka yang paling tertekan kebanyakkannya ialah guru-guru yang tidak mempunyai sesiapapun untuk diajak berkongsi dan berbincang masalah kerja mereka di sekolah. Faktor lain seperti sekolah yang tidak menyenonokkan, kekurangan ruang untuk keselesaan peribadi dan ketidakcekapan pengurusan sekolah sedikit sebanyak menimbulkan tekanan kerja dan mengganggu perasaan dan kesungguhan guru-guru untuk menjalankan tugas mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siti Rohani Md Sharif (2011) dalam kajiannya untuk melihat sejauh mana guru mengalami tekanan di dalam menjalankan tugas, dan sejauh mana tekanan ke atas guru dipengaruhi oleh faktor sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjau siasat dengan menggunakan soal selidik yang dipadankan dan diubahsuai dan soal selidik Kyriacou dan Sutcliffe (1979) (dalam Siti Rohani 2011) sebagai instrumen kajian yang utama. Kajian melibatkan 200 orang guru sekolah rendah yang dipilih secara rawak daripada 10 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Dapatan kajian menunjukkan guru mengalami tekanan berhubung empat faktor yang dikenalpasti iaitu faktor murid, beban tugas, tekanan masa, keadaan kerja dan suasana sekolah.

Faktor-faktor ciri itu sendiri juga turut memberi tekanan kepada guru. Kajian mendapati faktor yang paling menekan ialah faktor murid, terutama dalam kalangan guru perempuan. Di antara sebabnya ialah sikap, minat dan kerja murid. Guru juga didapati tertekan dengan keadaan kerja yang dicirikan oleh bilangan murid yang ramai dan kekurangan kemudahan mengajar. Berhubung dengan suasana sekolah, aspek hubungan interpersonal tidak memberi tekanan kepada guru, tetapi masalah disiplin, hukuman yang dikenakan dan peraturan-peraturan yang ada di sekolah didapati amat menekankan guru.

Dari aspek demografi, didapati guru perempuan lebih tertekan dalam menjalankan tugas berbanding guru lelaki, guru yang berumur lebih daripada 35 tahun lebih tertekan berbanding mereka yang berumur kurang daripada 34 tahun. Guru yang berpengalaman didapati menghadapi lebih tekanan daripada guru yang kurang berpengalaman, dan guru yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat latihan di maktab perguruan lebih tertekan berbanding guru dan lain-lain kelulusan.

Punca dan tahap tekanan pengurusan dalam kalangan pentadbiran sekolah rendah yang dihadapi di dalam tugas seharian mereka telah dikenal pasti dalam kajian Abu Bakar Hashim (2016). Tahap tekanan pengurusan dinilai melalui empat kategori utama iaitu hubungan luaran, kemudahan di sekolah, tugas rutin dan prestasi akademik. Sampel kajian terdiri daripada 91 orang pentadbir yang berkhidmat di sekolah rendah bantuan penuh kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan punca utama tekanan pengurusan yang tinggi adalah daripada isu gaji dan elaun yang kecil, diikuti masalah jangkaan atau harapan yang kurang realistik daripada pihak atasan dan terlalu banyak tugas yang melibatkan penulisan kertas kerja, surat menyurat dan mengisi borang. Aspek-aspek lain yang turut menyebabkan tekanan kepada pentadbir ialah kekangan kemudahan di sekolah, saiz enrolmen dan jenis jawatan pentadbir juga signifikan dengan tahap tekanan pengurusan.

Rosmawati Abdullah (2015) dalam kajiannya ke atas 64 orang guru sumber mata pelajaran Kemahiran Hidup di Johor, mendapati 3.1% respondennya mengalami aras tekanan kerja sangat tinggi, 26.6% mengalami tekanan kerja tinggi, 43.6% mengalami tekanan kerja sederhana dan 26.6% mengalami aras tekanan kerja yang rendah. Perbezaan yang signifikan wujud di dalam aras tekanan kerja antara guru yang berbeza kumpulan umur, tetapi tiada perbezaan di dalam aras tekanan kerja di antara guru siswazah dan guru bukan siswazah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap sebarang tekanan, punca-punca tekanan dan hubungan antara tekanan kerja dengan kepuasan kerjaya telah dikaji dalam kajian Rozainum Ahmad (2016). Dapatannya menunjukkan tahap sebarang tekanan kerjaya dalam kalangan guru berada di paras sederhana tertekan. Kepuasan kerjaya berada pada paras sedikit puas hati dan guru yang mungkin kekal di dalam profesion pada masa 10 tahun akan datang berada pada paras sedikit mungkin kekal. Kajian juga mendapati di dalam aspek demografi jantina, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dan segi tekanan kerja di antara guru lelaki dan perempuan, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru yang kurang berpengalaman dengan guru yang berpengalaman. Beliau menyatakan sepuluh punca utama yang menyebabkan tekanan kerja kepada guru di SRJK (C) ialah: terpaksa mengajar kelas yang besar, jumlah pendapatan atau gaji yang kurang memuaskan, sikap dan tingkah laku pelajar terhadap pelajaran mereka, kekurangan peluang untuk maju dalam profesion perguruan, terpaksa mengajar kelas yang mempunyai kebolehan yang berbeza-beza,terpaksa menangani pelajar yang berkelakuan buruk, terpaksa mengambil alih tugas yang tidak hadir bertugas, terpaksa menjalankan tugas perkeranian seperti mengutip yuran sekolah atau yuran peperiksaan awam, kurang mendapat kerjasama daripada ibu bapa atau waris pelajar dan kekurangan masa rehat akibat daripada jadual waktu yang agak berat.

Kesan pendekatan pengurusan tekanan berlebihan dalam mengurangkan tekanan kerja dalam kalangan 70 orang guru sekolah rendah dan menengah telah diteliti dalam kajian Rozainum Ahmad (2016). Dapatannya menunjukkan kebanyakan guru mengalami masalah tekanan kerja iaitu 28.57% responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami aras tekanan rendah, 64.29% mengalami tekanan sederhana dan 7.14% mengalami aras tekanan yang serius. Beliau seterusnya menggunakan strategi pengurusan tekanan ke atas responden kajian yang terdiri daripada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Hasilnya menunjukkan pendekatan pengurusan tekanan dapat mengurangkan tekanan kerja guru secara berkesan di mana guru yang mengalami tekanan berlebihan sebenarnya boleh dikurangkan dengan pendekatan pengurusan tekanan yang berkesan. Ianya turut menonjolkan keperluan dan program pengurusan tekanan ini di dalam memupuk kesihatan mental, fizikal dan mempertingkatkan produktiviti guru dan pentadbir pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 RUMUSAN

Banyak kajian terdahulu telah mengidentifikasikan sumber-sumber tekanan kerja yang dihadapi oleh para guru. Tekanan kerja memberi kesan yang mendalam kepada para guru. Sekiranya guru menghadapi masalah tekanan kerja, produktiviti guru akan turut terjejas. Seterusnya, banyak kajian menyokong dakwaan bahawa tekanan kerja dalam kalangan guru sering dikaitkan dengan kesan negatif sama ada kepada individu dan organisasi. Tekanan kerja juga dikatakan memberi kesan kepada kepuasan kerja, kesihatan fizikal dan kesihatan mental. Bab ini telah membincangkan faktor-faktor penyebab yang dikatakan mempunyai hubungan dengan fenomena tekanan kerja. Faktor-faktor penyebab seperti salah laku pelajar, beban kerja, kekangan masa dan sumber, hubungan personal dan penghargaan yang dinyatakan akan dikaji dalam kajian ini. Pengkaji akan cuba melihat sama ada faktor-faktor penyebab yang disarankan oleh pengkaji lepas seperti Boyle et al. (1995) juga merupakan faktor-faktor penyebab tekanan kerja dalam kajian ini. Dalam Bab tiga seterusnya pengkaji akan bincangkan metodologi kajian yang meliputi aspek reka bentuk kajian, populasi dan responden kajian, instrumen kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Secara asasnya metodologi adalah aspek yang perlu diberi perhatian untuk memperolehi hasil kajian yang baik. Ini kerana ia akan menjamin kaedah-kaedah yang digunakan oleh penyelidik adalah bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji serta hipotesis yang digunakan di dalam kajian. Bab ini membincangkan tentang kaedah yang telah untuk menjalankan kajian ini. Dalam bab ini juga dibincangkan bagaimana kajian ini dijalankan dari mengenal pasti populasi dan responden kajian , bagaimana data dikumpul dan kaedah data dianalisis. Secara umumnya penghuraian bab ini dibahagikan kepada lima peringkat iaitu reka bentuk kajian, populasi dan responden kajian, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisisan data. Pada peringkat awal bab, pengkaji memperjelaskan reka bentuk kajian dan cara populasi dan responden kajian ditentukan. Penyediaan alat kajian yang telah digunakan dalam kajian juga turut diperbincangkan dalam bab ini. Kemudian, pengkaji menerangkan tatacara pengumpulan data dan juga tentang tatacara menganalisis data yang telah dikumpulkan melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dipilih dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif jenis tinjauan melalui satu set soal selidik. Kaedah tinjauan dianggap kaedah yang paling sesuai digunakan dalam kajian ini untuk memperihalkan tekanan kerja yang dihadapi oleh para guru. Kaedah ini dipilih kerana ramai responden yang boleh diambil berbanding dengan kaedah lain.

Kaedah ini turut dinyatakan oleh Kalyva, E. (2013). Pembolehubah tidak bersandar di dalam kajian ini ialah ciri demografi guru dan faktor tekanan kerja. Ciri demografi responden adalah berdasarkan ciri demografi terpilih seperti jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar, jumlah pendapatan, dan bidang mata pelajaran utama. Kajian deskriptif pula membekalkan data-data yang penting untuk penyelidikan dan menganalisis data-data yang diperolehi daripada soal selidik. Kajian korelasi pula memberi penekanan kepada penentuan sejauh mana kajian antara pembolehubah-pembolehubah (Mohd Majid Konting, 2010).

Prosedur soal selidik digunakan oleh penyelidik bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan penyelidikan. Faktor tekanan kerja terdiri daripada salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, keperluan penghargaan, dan hubungan antara personal. Pembolehubah bersandar di dalam kajian ini ialah aras tekanan kerja responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian bermaksud kelompok sasaran aktiviti kajian dijalankan. Populasi ialah sekumpulan unsur atau benda sama ada bernyawa atau tidak yang menjadi subjek pada kajian (Mohamad Abdillah Royo & Woo Sew Fun (2010). Populasi bagi kajian ini ialah guru-guru SJK(T) daerah Tangkak dan Muar dipilih adalah kerana sekolah ini adalah terletak di sekitar pusat Bandar Tangkak dan Muar. Jumlah populasi adalah 500 orang.Guru dalam konteks kajian ini ialah guru yang mengajar mata pelajaran dan tidak termasuk Guru Besar, Penolong Kanan dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid,dan Guru Kanan Bidang.

Guru sekolah rendah ini terdiri daripada guru lelaki dan perempuan yang mempunyai status perkahwinan, pengalaman mengajar, jumlah pendapatan dan bidang mata pelajaran yang berlainan. Responden kajian terdiri daripada 285 orang guru sekolah rendah kategori Bandar di daerah Tangkak dan Muar, Johor.Semua responden adalah dipilih secara rawak berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970).

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Berdasarkan instrumen *Teacher Stress Inventory* yang digunakan oleh Boyle et al. (1995), dan soal selidik yang digunakan oleh Payne dan Furnham (1997), pengkaji mengadaptasikan item-item yang sesuai dengan lima faktor yang hendak dikaji di dalam kajian ini. Item-item yang dipilih mencakupi pelbagai aspek yang berkaitan dengan persekitaran kerja guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan lima faktor utama, iaitu salah laku pelajar, beban tugas, keperluan penghargaan, kekangan masa dan sumber, dan hubungan antara personal, pengkaji mengubahsuai bentuk item untuk disesuaikan dengan konteks kajian ini.

Responden diminta untuk menjawab kesemua soalan mengikut pandangan mereka tentang aspek-aspek yang dikemukakan dalam soalan selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Setiap bahagian mempunyai panduan dan arahan yang berasingan. Bahagian A mengkehendaki guru mengisi maklumat diri dan bahagian B mengandungi item-item soalan yang berkaitan dengan tekanan kerja dalam kalangan guru (LAMPIRAN A).

Pernyataan-pernyataan yang perlu dijawab oleh responden terdiri daripada lima faktor masalah tekanan kerja. Pembahagian item mengikut faktor adalah seperti dalam Jadual 3.1 yang berikut:

Jadual 3.1: Taburan Item Soal Selidik

Faktor	**Nombor Item**
Salah Laku pelajar	1, 4, 6, 15, 20, 21, 34 dan 35
Beban tugas	10, 11, 17, 18, 27, 31 dan 33
Kekangan masa dani sumber	2, 5, 9, 13, 14, 24 dan 30
Penghargaan	3, 8, 23, 26 dan 32
Perhubungan antara personal	7, 12, 16, 19, 22, 25, 28, 29 dan 36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden diminta menandakan darjah persetujuan terhadap faktor yang rnenyebabkan tekanan kerja pada skala lima mata dengan menggunakan skala Likert. Kedudukan skala adalah seperti berikut:

i. Tiada tekanan = 1

ii. Tekanan rendah = 2

iii. Tekanan sederhana = 3

iv Tekanan tinggi = 4

v. Tekanan sangat tinggi = 5

3.5 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan setiap item dalam soal selidik dan menentukan darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara. Menurut Azizi Yahaya & Mazeni Ismail (2014), kajian rintis dilakukan terlebih dahulu untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:

1. Untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian.

2. Untuk mengetahui kesesuaian item-item yang digunakan.

3. Untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden.

4. Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami kehendak item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Untuk menilai kesesuaian soalan kajian.

6. Melatih pengkaji untuk menguruskan kajian sebenar dengan lancar dan berkesan.

7. Mengenal pasti masalah yang mungkin timbul dalam kajian sebenar.

Untuk menguji kebolehpercayaan yang terdapat pada alat kajian yang telah diubahsuai, pengkaji telah mengadakan kajian rintis ke atas alat kajian ini. Kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan 36 orang guru sekolah rendah yang mengajar di salah sebuah sekolah rendah di Daerah Segamat. Guru-guru yang terlibat adalah bukan dari sekolah kajian sebenar. Kajian ini menggunakan item yang mewakili lima faktor yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik. Perincian item-item soal selidik kajian rintis adalah seperti Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2 : Perincian Item Soal Selidik Kajian Rintis

Faktor	**Nombor item**
a. Salah laku pelajar	2, 5, 7, 16, 23, 24, 39,dan 40
b. Beban tugas	11, 12, 18, 19,21, 32, 36, dan 38
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 : Ujian ANOVA Bagi Faktor Tekanan Kerja Mengikut Jumlah Pendapatan Guru

Faktor	**Sumber Variasi**	**SS**	**Df**	**MS**	**F**	**Signifikan 2-hujung**
Salah Laku	Olahan	118.023	4	29.506	0.688	0.600
	Ralat	12000.384	280	42.389		
	Jumlah	12118.407	284			
Beban Tugas	Olahan	59.266	4	14.816	0.452	0.771
	Ralat	9174.047	280	32.764		
	Jumlah	9233.312	284			
Masa dan Sumber	Olahan	72.230	4	18.080	0.665	0.617
	Ralat	7616.782	280	27.203		
	Jumlah	7689.102	284			
Perhubungan	Olahan	96.532	4	24.133	0.556	0.695
	Ralat	12146.570	280	43.381		
	Jumlah	12243.102	284			
Penghargaan	Olahan	17.567	4	4.392	0.253	0.907
	Ralat	4853.801	280	17.335		
	Jumlah	4871.368	284			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{o2} (e) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor tekanan kerja mengikut bidang mata pelajaran utama guru.

Ujian Anova Satu Hala dilakukan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan dalam faktor yang menyebabkan tekanan kerja berdasarkan bidang mata pelajaran utama responden. Pada aras keyakinan 0.05, hipotesis nol kajian diterima. Keputusan Ujian ANOVA menunjukkan bagi faktor salah laku ($F(4, 280) = 1.291$, $p = 0.278$), beban tugas ($F(4, 280) = 0.442$, $p = 0.723$), kekangan masa dan sumber ($F(4, 280) = 0.452$, $p = 0.716$) perhubungan ($F(4, 280) = 1.882$, $p = 0.133$) dan penghargaan ($F(4, 280) = 0.418$, $p = 0.740$). Ini bererti tidak wujud perbezaan yang bererti di dalam faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja berdasarkan bidang mata pelajaran utama responden (Rujuk Jadual 4.18).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18 : Ujian ANOVA Bagi Faktor Tekanan Kerja Mengikut Bidang Mata Pelajaran Utama Guru

Faktor	**Sumber Variasi**	**SS**	**Df**	**MS**	**F**	**Signifikan 2-hujung**
Salah Laku	Olahan	164.718	4	54.906	1.291	0.278
	Ralat	11953.689	280	42.540		
	Jumlah	12118.407	284			
Beban Tugas	Olahan	43.382	4	14.461	0.442	0.723
	Ralat	9189.930	280	32.704		
	Jumlah	9233.312	284			
Masa dan Sumber	Olahan	36.925	4	12.308	0.452	0.716
	Ralat	7652.177	280	27.232		
	Jumlah	7689.102	284			
Perhubungan	Olahan	241.181	4	80.394	1.882	0.133
	Ralat	12001.921	280	42.711		
	Jumlah	12243.102	284			
Penghargaan	Olahan	21.665	4	7.222	0.418	0.740
	Ralat	4849.703	280	17.259		
	Jumlah	4871.368	284			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 RUMUSAN

Dalam bab ini telah diterangkan hasil data deskriptif dan hasil data inferensi. Selepas menilai, kajian ini melibatkan penganalisisan terhadap hipotesis yang telah dibina. Dengan menguji hipotesis dengan ujian regresi, ujian t dan analisis varians satu hala (ANOVA) hasil kajian telah diperolehi dan diperbincangkan dalam bab ini. Keputusan kajian mendapati bahawa faktor-faktor tekanan kerja iaitu beban tugas, salah laku pelajar, perhubungan antara personal, kekangan masa dan sumber serta penghargaan sama-sama dominan dalam menjadi penyebab kepada tekanan kerja dalam kalangan guru. Dapatan kajian juga menolak dan menerima beberapa hipotesis nol yang dibina pada awal kajian. Perbincangan hasil kajian dan beberapa cadangan akan pengkaji bincangkan dalam bab lima yang berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan secara lebih terperinci setiap dapatan kajian berdasarkan analisis data dalam Bab 4. Keputusan kajian yang diperoleh dikaitkan dengan sokongan kajian-kajian lepas. Bahagian-bahagian dalam bab ini dibahagikan kepada ringkasan hasil kajian, perbincangan hasil kajian, kesimpulan, implikasi dan beberapa cadangan akan dikemukakan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Pengkaji juga membincangkan hasil dapatan yang diperolehi daripada analisis data dan akan mengemukakan kesimpulan berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi. Kajian yang telah dibuat adalah mengenai faktor tekanan terhadap aras tekanan kerja yang dihadapi oleh para guru. Perbincangan dalam bab ini akan berfokuskan kepada aras tekanan kerja guru, faktor utama tekanan guru, perbezaan tekanan guru mengikut ciri demografi dan perbezaan faktor berdasarkan ciri demografi. Selain itu, perbincangan ini juga akan memaparkan perbandingan hasil kajian yang telah dibuat oleh pengkaji dengan hasil kajian lalu yang dibuat oleh pengkaji lalu, faktor-faktor yang mempengaruhi hasil kajian, cadangan untuk mengatasi masalah yang timbul, kesimpulan kajian dan cadangan kepada pengkaji akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini adalah bertujuan menguji faktor yang telah disarankan oleh Boyle et al. (1995) benar untuk situasi tekanan kerja guru di Malaysia. Di antara faktor yang telah disarankan ialah salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, perhubungan personal dan penghargaan. Kajian ini juga mempunyai empat objektif iaitu:

(i) mengkaji aras tekanan kerja dalam kalangan guru,

(ii) mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan tekanan dalam kalangan guru,

(iii) mengenal pasti perbezaan aras tekanan kerja mengikut ciri demografi guru dan

(iv) mengenal pasti perbezaan terhadap faktor tekanan kerja mengikut ciri demografi guru.

Reka bentuk kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif jenis tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik. Pengkaji memilih kaedah tinjauan ini untuk memperihalkan tekanan kerja yang dihadapi oleh para guru. Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ialah ciri demografi guru dan faktor tekanan kerja. Manakala pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah aras tekanan kerja guru. Populasi bagi kajian ini ialah guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di daerah Tangkak dan Muar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipilih adalah kerana sekolah dalam zon ini adalah terletak di sekitar pusat Bandar Tangkak dan Muar. Responden dalam kajian ini dipilih secara rawak dalam kalangan guru. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 285 orang guru penolong yang tidak termasuk Guru Besar, Penolong Kanan dan juga Guru Kanan (Ketua Bidang).

Alat kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada 36 item. Pengkaji telah mengadaptasikan instrumen ini daripada *Teacher Stress Inventory* yang digunakan oleh Boyle et al. (1995) dan *Self Report Teacher Stress* oleh Kyriacou et al. (1978) supaya sesuai dengan konteks kajian ini. Kajian rintis telah menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang tinggi iaitu 0.8530. Untuk menganalisis data yang telah dikumpul, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif seperti min, frekuensi dan peratusan untuk menganalisis ciri demografi responden; kaedah ujian regresi linear bergandar untuk melihat perhubungan antara faktor penyebab dan aras tekanan kerja; ujian *t* dan juga ANOVA untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor penyebab dengan aras tekanan kerja dalam kalangan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian dari aspek aras tekanan kerja guru. Seterusnya perbincangan menjurus kepada faktor-faktor utama yang menyebabkan tekanan yang berlaku dalam kalangan guru. Selain daripada itu, pengkaji juga membincangkan tentang perbezaan yang wujud dalam aras tekanan kerja mengikut ciri demografi dan perbezaan dalam faktor tekanan kerja mengikut ciri demografi responden.

5.3.1 Aras Tekanan Kerja Guru

Berdasarkan dapatan kajian, didapati 188 orang (66%) daripada responden menghadapi aras tekanan kerja yang sederhana, 47 orang (16.5%) mengalami aras tekanan rendah, sementara 50 orang (17.5%) berada pada tahap tekanan yang tinggi. Dapatan ini menggambarkan tekanan kerja guru adalah sesuatu fenomena yang serius dan perlu diberi perhatian. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan beberapa kajian terdahulu. Junaidah Abdul Jamil (2015) dalam kajiannya dalam kalangan 165 orang guru sekolah Rendah terpilih di Johor mendapati 8.4% responden yang mengalami tekanan tinggi, 75.8% mengalami tekanan sederhana dan 15.8% pada tahap tekanan rendah. Mohd Sazali Noordin (2017) dalam kajiannya ke atas 64 orang guru sumber mata pelajaran Kemahiran Hidup di Johor pula mendapati 3.1% responden mengalami tekanan sangat tinggi, 26.6% berada pada tekanan tinggi, 43.6% mengalami tekanan sederhana, dan 26.6% mengalami tekanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rendah. Manakala Tee Sook Kim (2016) dalam kajiannya dalam kalangan 70 orang guru sekolah Rendah di Seberang Perai mendapati 28.57% responden mengalami aras tekanan rendah, 64.29% sederhana, dan 7.14% daripada responden mengalami aras tekanan yang serius. Daripada dapatan kajian ini, adalah wajar untuk menganggap bahawa tekanan kerja guru adalah membimbangkan. Keadaan ini harus dibendung untuk menjaga kepentingan institusi pendidikan yang merupakan satu institusi penting di dalam melahirkan masyarakat yang maju. Maka faktor-faktor yang menyumbang kepada tekanan kerja guru harus diberi perhatian khusus bagi menangani masalah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Faktor Utama Tekanan Kerja Guru

Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor salah laku, beban tugas, masa dan sumber, perhubungan dan penghargaan sama menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan guru. Data dari analisis regresi linear berganda menunjukkan sokongan kuat bahawa kesemua faktor di atas adalah sama-sama dominan dalam menyumbangkan tekanan kerja dalam kalangan responden. Maka dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor tersebut adalah penyumbang utama kepada tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah Rendah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa model kerangka kajian yang digunakan untuk meramal aras tekanan kerja guru yang diapdatasikan dari kajian terdahulu oleh Boyle et. al (1995) di Malta dapat diaplikasikan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam konteks guru-guru sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Tangkak Dan Muar, Johor. Dalam kajian Siti Rohani Md Sharif (2011) didapati guru mengalami tekanan kerja berhubung dengan empat faktor iaitu faktor murid, beban tugas, tekanan masa, keadaan kerja dan suasana sekolah. Faktor yang paling menekan adalah faktor murid. Manakala Tee Sook Kim (2016) menyenaraikan punca utama yang menyebabkan tekanan kerja guru iaitu, terpaksa mengajar kelas yang besar, aspek gaji, sikap pelajar, peluang untuk maju dalam kerjaya, kebolehan pelajar yang berbeza, disiplin pelajar, menjadi guru ganti, terlalu banyak kerja perkeranian, kerjasama ibu bapa dan kekurangan waktu berehat akibat jadual waktu yang berat. Payne dan Furnham (1997) merumuskan kesukaran mengendalikan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan memenuhi kehendak pihak pengurusan merupakan factor yang dipersepsikan oleh kebanyakan guru mendatangkan tekanan kerja yang tinggi dalam pekerjaan mereka.

Pelbagai dimensi faktor menyumbangkan kepada tekanan kerja guru. Melalui analisis regresi, dapatan kajian ini menunjukkan faktor salah laku pelajar, beban tugas, kekangan masa dan sumber, penghargaan dan perhubungan antara personal adalah penyumbang-penyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Tangkak dan Muar, Johor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Perbezaan Aras Tekanan Kerja Mengikut Ciri Demografi

Kajian ini cuba melihat aras tekanan kerja guru berdasarkan kepada sosio demografi responden yang meliputi jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar, pendapatan dan bidang mata pelajaran utama. Berdasarkan jantina, kajian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di dalam aras tekanan di antara guru lelaki dengan guru perempuan. Ini menunjukkan aras tekanan kerja responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan Tee Sook Kim (2016), Abdul Wahid Nuruddin (2017). Bagaimanapun dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Chei (2016) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tekanan kerja guru dalam kalangan guru lelaki dan guru perempuan. Begitu juga Siti Rohani (2011) mendapati guru perempuan lebih tertekan di dalam menjalankan tugas berbanding guru lelaki. Percanggahan ini timbul mungkin kerana perbezaan status guru yang menjadi responden dalam kajian Chei (2016) yang melibatkan guru daripada sekolah swasta dan kerajaan, manakala Siti Rohani (2011) melibatkan guru daripada sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek status perkahwinan, dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam aras tekanan kerja di antara guru bujang dengan guru yang telah berkahwin. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Nor Azizah Mohd Salleh (2014) yang mendapati tiada perbezaan di dalam aras tekanan kerja mengikut status perkahwinan. Perbezaan dalam aras tekanan kerja yang signifikan wujud berasaskan pengalaman mengajar guru.

Perbezaan yang bererti wujud hanya di antara kumpulan guru yang berpengalaman mengajar satu hingga lima tahun dengan kumpulan guru yang berpengalaman mengajar 21 tahun ke atas. Ini bermakna responden yang kurang pengalaman mengajar lebih tertekan berbanding mereka yang telah berpengalaman lebih dari 21 tahun. Menurut Nor Azizah Mohd Salleh (2014), kumpulan pengalaman mengajar di antara 11 hingga 15 tahun lebih tertekan berbanding kumpulan 16 hingga 20 tahun, 6 hingga 10 dan yang kurang dari 5 tahun pengalaman.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chua Yan Piaw (2016), yang mendapati terdapat perbezaan aras tekanan kerja di antara guru yang kurang pengalaman dengan guru yang berpengalaman. Bagaimanapun ianya bertentangan dengan dapatan kajian Siti Rohani (2011) di mana beliau mendapati guru berpengalaman menghadapi lebih tekanan berbanding daripada guru yang kurang pengalaman. Pengkaji berpendapat guru yang telah lama berkhidmat dalam dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan lebih berpengalaman dalam menghadapi situasi pelajar dan sekolah berbanding dengan guru yang kurang berpengalaman. Golongan guru berpengalaman akan lebih memahami perangai pelajar dan lebih mahir dalam menyelesaikan masalah dalam bilik darjah dibanding dengan guru yang baru berkhidmat dalam dunia pendidikan. Dari segi pendapatan dan bidang mata pelajaran utama guru di dapati tidak wujud perbezaan yang signifikan di dalam aras tekanan kerja guru.

5.3.4 Perbezaan Faktor Tekanan Kerja Mengikut Ciri Demografi Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengujian statistik inferensi dilakukan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang bererti di dalam faktor-faktor tekanan kerja (salah laku pelajar, beban tugas, masa dan sumber, penghargaan dan perhubungan personal) berdasarkan ciri demografi guru (jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar, pendapatan dan bidang mata pelajaran utama guru). Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang bererti bagi faktor-faktor tekanan kerja mengikut status perkahwinan, jumlah pendapatan dan bidang mata pelajaran utama responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagaimanapun, kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor-faktor tekanan kerja berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar responden. Berdasarkan jantina, terdapat perbezaan yang bererti di dalam faktor salah laku dan perhubungan antara personal dalam kalangan guru lelaki dan guru perempuan. Bagi faktor salah laku pelajar, guru perempuan berasa lebih tertekan berbanding dengan guru lelaki.

Keadaan ini menunjukkan guru perempuan menghadapi tekanan yang lebih tinggi apabila berhadapan dengan faktor salah laku pelajar. Bagi factor perhubungan antara personal, didapati guru perempuan juga lebih tertekan berbanding guru lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji berpendapat ini mungkin disebabkan sifat semulajadi pada guru perempuan yang lebih bersifat lemah-lembut. Hoglund, W. L. G., Klingle, K. E. & Hosan, N. E. (2015). Guru perempuan akan kurang tegas apabila menghadapi pelajar yang kurang berdisplin dan nakal. Mereka akan lebih cenderung mengharapkan guru displin yang kebanyakkan guru lelaki untuk menyelesaikan masalah salah laku pelajar. Dapatan ini mengukuhkan lagi dapatan kajian terdahulu seperti oleh Kriacou dan Sutcliffe (1978), Payne dan Furnham (1997) dan Siti Rohani (2001). Keadaan ini menggambarkan tahap pengawalan disiplin atau salah laku pelajar mampu ditangani dengan baik oleh guru lelaki berbanding dengan guru perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbezaan di dalam faktor yang menyebabkan tekanan kerja juga wujud berdasarkan pengalaman mengajar responden. Faktor salah laku, masa dan sumber serta perhubungan antara personal menunjukkan terdapat perbezaan mengikut pengalaman mengajar responden. Bagi faktor salah laku pelajar, guru yang berpengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun didapati lebih tertekan berbanding dengan guru yang berpengalaman 6 hingga 10 tahun, 16 hingga 20 tahun dan lebih daripada 21 tahun.

Bagi faktor kekangan masa dan sumber, dan perhubungan antara personal, guru yang berpengalaman 1 hingga 5 tahun lebih tertekan berbanding guru yang berpengalaman lebih daripada 21 tahun. Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa guru yang kurang berpengalaman menghadapi tekanan yang lebih tinggi bagi faktor salah laku, kekangan masa dan sumber serta perhubungan antara personal. Bagaimanapun bagi faktor beban tugas dan penghargaan tidak terdapat hubungan yang nyata di antara kumpulan responden mengikut pengalaman mengajar.

Dapatan yang dinyatakan di atas selaras dengan dapatan kajian Payne dan Furnham (1997). Mereka mendapati aras tekanan lebih tinggi bagi guru yang kurang berpengalaman berbanding guru yang telah lama mengajar di mana bagi faktor keadaan kerja, guru yang mengajar di antara 6 hingga 10 tahun lebih tertekan berbanding guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berpengalaman 0 hingga 5 tahun dan 11 tahun ke atas. Maka dapat disimpulkan faktor salah laku, masa dan sumber dan perhubungan lebih memberi tekanan kepada guru yang kurang berpengalaman yang biasanya masih baru dalam profesion. Ini mungkin berpunca dari kurangnya pengalaman menangani masalah atau punca tekanan yang dating dari faktor-faktor tersebut berbanding guru yang telah lama berkhidmat.

5.4 KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN

Di bahagian ini, pengkaji akan merumus dan menyenaraikan dapatan kajian mengikut urutan tujuan kajian. Ini bertujuan memberikan satu pandangan secara keseluruhan tentang dapatan yang telah diperolehi dalam kajian ini.

5.4.1 Aras Tekanan Kerja Dalam kalangan Guru

Dapatan kajian menunjukkan 16.5% responden berada pada aras tekanan sederhana, 66% responden mengalami tekanan kerja sederhana dan 17.5% berada pada aras tekanan yang tinggi. Rumusan tentang keputusan hipotesis perbezaan aras tekanan kerja mengikut ciri demografi guru ditunjukkan dalam jadual 5.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1: Rumusan Keputusan Hipotesis Perbezaan Aras Tekanan Kerja Mengikut Ciri Demografi Guru

	Hipotesis dani Keputusan
H_{o1}	(i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras tekanan kerja di antara guru lelaki dan perempuan. * Keputusan Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.
	(ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras tekanan kerja mengikut status perkahwinan guru. * Keputusan Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.
	(iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras tekanan kerja mengikut pengalaman mengajar guru. *Keputusan: Hipotesis nol kajian ditolak Wujud perbezaan yang signifikan di dalam aras tekanan kerja mengikut pengalaman mengajar guru. Perbezaan ini signifikan untuk kumpulan guru yang berpengalaman; mengajar 1 hingga 5 tahun dengan kumpulan guru yang berpengalaman 21 tahun ke atas. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun mengalami aras tekanan yang tebih tinggi berbanding guru yang berpengalaman mengajar lebih dari 21 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	(iv) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras tekanan kerja mengikut jumlah pendapatan guru. *Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.
	(v) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aras tekanan kerja mengikut bidang mata pelajaran utama guru. *Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

5.4.2 Perbezaan Faktor Tekanan Kerja Mengikut Ciri Demografi Guru

Beberapa hipotesis diuji untuk menjawab persoalan perbezaan faktor tekanan kerja mengikut ciri demografi guru. Perbezaan merujuk kepada kelima-lima faktor tekanan kerja yang dikaji. Rumusannya adalah seperti pada Jadual 5.2.

Jadual 5.2: Rumusan Keputusan Hipotesis Perbezaan Terhadap Faktor-faktor Tekanan Kerja Mengikut Ciri Demografi Guru

	Hipotesis dan Keputusan
H_{o2}	(i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja di antara guru mengikut jantina. *Keputusan Hipotesis nol kajian untuk faktor salah laku dan perhubungan ditolak. Perbezaan yang bererti wujud dalam faktor salah laku dan perhubungan di mana guru perempuan lebih tertekan berbanding guru lelaki bagi kedua dua faktor tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor tekanan kerja mengikut status perkahwinan guru.

*Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

(iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor tekanan kerja mengikut pengalaman mengajar guru

*Keputusan: Hipotesis nol kajian untuk faktor salah laku dan faktor kekangan masa dan sumber ditolak. Wujud perbezaan yang signifikan di mana faktor salah laku memberi tekanan yang lebih tinggi kepada guru yang berpengalaman mengajar 1 - 5 tahun berbanding guru yang berpengalaman mengajar 6 - 10, 16 - 20 dan lebih 21 tahun. Manakala faktor kekangan masa dan sumber memberikan tekanan kerja yang lebih tinggi kepada guru yang berpengalaman mengajar 1 - 5 tahun berbanding guru yang berpengalaman mengajar lebih dari 21 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor tekanan kerja mengikut jumlah pendapatan guru.

*Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

(v) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor-faktor tekanan kerja mengikut bidang mata pelajaran utama guru.

*Keputusan: Hipotesis nol kajian tidak dapat ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Profesion perguruan adalah satu bidang khidmat manusia yang memberikan perkhidmatan kepada para pelajar. Lantaran itu, sekiranya pengamal profesion perguruan menghadapi tekanan kerja maka ianya akan mendatangkan kesan negatif kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini adalah kerana tekanan kerja dalam kalangan guru akan menyebabkan rendahnya komitmen seseorang guru terhadap tugas mendidik anak murid.

Dapatan kajian telah menunjukkan lima faktor penyebab tekanan kerja yang telah disarankan oleh Boyle (1995) benar untuk situasi tekanan kerja guru-guru di Malaysia. Kajian juga telah menunjukkan guru-guru telah menghadapi masalah berkaitan dengan beban tugas dan salah laku pelajar yang meletihkan mereka untuk melaksanakan tugas dengan baik. Selain daripada itu, tiada sokongan daripada pihak tertentu dan hubungan personal yang kurang memuaskan dengan rakan sekerja turut mendatangkan tekanan kerja kepada mereka. Lantaran daripada situasi tersebut menyebabkan mereka kehilangan semangat dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh yang demikian, pihak terlibat khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia harus mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meringankan bebanan dan mengatasi kesulitan yang dihadapi dalam pelaksaan tugas mereka. Masalah ini dapat diatasi dengan menambahkan lebih ramai guru mengikut nisbah pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 CADANGAN UNTUK MENGURANGKAN TEKANAN KERJA GURU

Hasil daripada kajian ini, pengkaji cuba mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk mengurangkan kemelut tekanan kerja dalam kalangan guru. Kajian mendapati kelima-lima faktor adalah dominan di dalam menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan responden. Maka adalah perlu satu usaha bersepadu di pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan guru untuk cuba mengatasinya.

Salah laku pelajar di dalam dan di luar kelas perlu diberi perhatian. Tahap salah laku yang tinggi dalam kalangan pelajar mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dan secara langsung menyebabkan tekanan kepada guru. Polisi disiplin yang sedia ada harus dikaji semula. Penggubal-penggubal polisi harus melahirkan satu polisi yang benar-benar mantap untuk diamalkan di sekolah-sekolah. Kuasa merotan pelajar hanya diberi kepada Guru Besar dan juga Pengetua manakala kuasa yang ada di tangan guru untuk mendisiplinkan pelajar yang terhad harus diperluaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan faktor beban tugas juga penting dalam menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru. Fenomena guru yang terpaksa memikul beban tugas di luar bidang kerjanya sering mendapat liputan akhbar-akhbar tempatan. 30 peratus daripada jumlah 280 000 pendidik terpaksa memikul tugas luar dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas mengajar (Thomas, E, Bell, D., Spelman, M., Briody, J. (2015). Beban tugas yang berlebihan sering dikaitkan dengan kekurangan kakitangan sokongan yang menyebabkan kerja-kerja perkeranian seperti mengisi borang, menyediakan sistem fail,memungut yuran, dan kerja-kerja pentadbiran lain yang bukan di dalam bidang tugas pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilakukan oleh guru. Oleh sebab itu, untuk mengatasi masalah seperti ini langkah kementerian menambah kakitangan sokongan adalah dialu-alukan. Pertambahan kakitangan sokongan boleh mengurangkan beban tugas guru dan seterusnya mengurangkan aras tekanan kerja dalam kalangan guru.

Faktor penghargaan yang berupa ganjaran seperti kenaikan pangkat, gaji yang lebih baik dan sokongan profesional dan pihak pentadbir amat perlu bagi memotivasikan guru agar lebih bersemangat dalam menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran. Gaji umpamanya dikatakan menjadi penyebab mengapa guru lebih cenderung untuk beralih kepada profesion lain. Kyriacou dan Sutcliffe (1978) menyatakan bahawa gaji yang rendah menyebabkan seseorang itu mencari pekerjaan lain. Maka adalah wajar sistem gaji dalam sektor pendidikan perlu dikaji semula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perhubungan di antara personal amat penting dalam profesion perguruan. Hubungan guru dengan rakan sejawat, pihak pentadbir, waris, pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan peringkat negeri harus wujud dan berlaku dalam keadaan harmoni. Coman, D., Alessandri, M., Gutierrez, A., Novotny, S., Boyd, B., Hume, K., Sperry, L., & Odom, S. (2013) berpendapat bahawa tekanan dapat diminimakan sekiranya terdapat hubungan yang positif dalam kalangan pekerja dalam sesuatu institusi dan adanya rakan sekerja yang boleh diajak berbincang mengenai masalah yang mereka hadapi. Kenyataan ini turut disokong oleh Davis, K. C., & Palladino, J. M. (2011), yang menyarankan pihak pentadbir sekolah harus mengambilkira rungutan yang menyatakan golongan pentadbir juga adalah punca kepada tekanan kerja dalam kalangan guru. Kegagalan untuk memahami dan tidak peka dengan masalah guru boleh merosakkan kualiti pendidikan yang diterima pelajar. Noran Fauziah, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie" & Rahil Mahyuddin, (2012) menyatakan faktor pentadbiran pengetua kurang disenangi oleh guru dan mencadangkan pengetua perlu mengubah gaya pentadbiran yang bersifat autokratik kepada gaya pentadbiran yang lebih mengutamakan pendekatan humanistik atau demokratik.

Faktor kekangan masa dan sumber juga perlu diberi perhatian. Aspek-aspek seperti kekurangan masa bagi guru untuk menumpukan perhatian kepada pelajar, bilik darjah yang kurang selesa, bilangan pelajar yang ramai dalam sesuatu kelas, tuntutan sukatan pelajaran, kekurangan alat bantu mengajar, dan suasana bilik guru yang padat dan tidak selesa harus diberi perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam usaha mengurangkan tekanan kerja, pihak sekolah boleh melaksanakan dua pendekatan. Pertama, pihak sekolah mengurangkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru seperti mengamalkan polisi disiplin yang lebih mantap, memperlengkapkan kemudahan-kemudahan asas dalam membantu pengajaran dan pembelajaran, pengagihan tugas yang sesuai, dan peka dalam perhubungan antara personal. Kedua, pihak sekolah boleh menganjurkan kursus dan latihan kemahiran pengurusan tekanan kerja dalam kalangan guru. Benjamin G. Swan. (2011) menegaskan, jika seseorang yang mengalami tekanan kerja dibiarkan begitu sahaja, orang itu akan menanggung risiko yang tinggi untuk mengalami kerosakan psikologi atau fizikal. Kaedah program pengurusan tekanan kerja berpendekatan holistik yang diutarakan oleh Jui-Chen Yu (2011) juga merupakan kaedah yang mampu memupuk kesihatan mental,fizikal dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dalam kalangan guru boleh diaplikasikan.

5.7 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji berpendapat dalam skop kajian berfokuskan beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber serta hubungan antara personal terhadap tekanan kerja dalam kalangan guru yang dikaji boleh dikatakan tidak begitu luas. Justeru, kajian-kajian lanjutan dapat dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya agar hasil yang lebih tepat dapat diperolehi. Di antara skop kajian dan cadangan kajian lanjutan ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Kajian ini hanya dibuat dalam kalangan guru dan bukan dari kumpulan pentadbir, maka adalah wajar kajian akan datang cuba mengkaji tekanan kerja yang dialami oleh pihak pentadbir sekolah Rendah. Perbandingan dapat dibuat dengan dapatan Abu Bakar Hashim (2015) yang mengkaji tekanan kerja dalam kalangan pentadbir sekolah rendah.

2. Skop kajian ini tertumpu kepada populasi sekolah SJKT di daerah Tangkak dan Muar, Negeri Johor yang terdiri dari sepuluh buah sekolah. Maka generalisasi terhadap tekanan kerja guru tidak dapat dibuat untuk sekolah-sekolah kategori luar bandar. Oleh itu, kajian akan datang dicadangkan harus mengambilkira lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Selain daripada itu, perbandingan dapat dibuat antara sekolah kategori bandar dan luar bandar.

3. Perbandingan tekanan kerja antara guru sekolah rendah dan menengah juga menarik dikaji untuk melihat sejauh mana kedua-dua kumpulan guru menghadapi tekanan kerja. Unsur komitmen terhadap tugas serta profesion dan kepuasan kerja guru akibat tekanan kerja juga perlu dikaji untuk melihat kesan tekanan kerja ke atas komitmen guru di dalam menjalankan tugasnya.

4. Mengambil kira faktor-faktor lain yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru sama ada sekolah Rendah di kawasan bandar atau luar bandar. Kajian tidak hanya berfokus kepada lima faktor seperti beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber serta hubungan antara personal sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8 RUMUSAN

Tekanan kerja merupakan satu fenomena yang memang wujud dalam dunia pendidikan di negara kita. Tekanan kerja ini memberi banyak kesan negatif kepada pihak guru. Ia boleh dianggap sebagai satu penunjuk kepada kesihatan mental guru. Oleh itu, sekiranya tahap tekanan kerja dalam kalangan guru tidak terkawal ia boleh membawa implikasi yang negatif kepada sistem pendidikan secara keseluruhan. Tekanan kerja memberi kesan kepada kepuasan kerja, keberkesanan ke atas produktiviti guru, peningkatan ketidakhadiran dan persaraan awal guru. Selain daripada itu, tekanan kerja juga akan memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal yang akan mempengaruhi keberkesanan tahap tenaga dan penglibatan tugas yang semakin berkurangan. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa guru-guru yang menjadi sampel dalam kajian ini mengalami aras tekanan yang sedarhana. Mereka tidak mengalami tekanan kerja yang serius sehingga boleh mendatangkan kesan negatif kepada profesional mereka. Walaubagaimanapun, lima faktor yang telah dikenal pasti telah memberi kesan ke atas tekanan kerja yang wujud dalam kalangan mereka iaitu: beban tugas, salah laku pelajar, penghargaan, kekangan masa dan sumber serta hubungan antara personal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

ABCNews. (2010, June 22). More teachers on tekanans leave. Retrieved from http://www.abc.net.au/news/2010-06-22/more-teachers-on-tekanans-leave/876172

Abd. Main Salimon (2018). *Kepuasan Kerja guru dan Perkaitannya Dengan Latar Belakang, Pengurusan Kurikulum dan Pengajaran*. Tesis Ph.D. Bangi: UKM

Abdul Aziz Yusof (2013). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Siri Pengurusan dan Pentadbiran Utusan Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahman, (2017), *Tinjauan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Di Sekolah Menengah Pangkalan TLDM, Lumut*. Tesis Sarjana Muda, UTM: Tesis tidak Diterbitkan.

Abdul Shukor Abdullah (Dato' Dr). *Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nasional Ke-4 Pengurusan Pendidikan di Institut Aminudin Baki pada 14-16 November 1996.

Abdul Wahid Nuruddin (2017). *Tekanan Pekerjaan Dikalangan Guru*: Satu kajian kes. Tesis

Abdullah Mohamad (2016). *Job Satisfaction of Logyard Workers*. Project Paper.

Abu Bakar Hashim (2015). *An Analysis of job Satisfaction Among Academic Staff of University in Malaysia*. Ph. D. Dissertation, Ohio University.

Adam, E. (1999). *Vocational Teacher Tekanans and Internal Characteristic*. Journal of Vocational and Technical Education. 16(1).

Ages, V. D. (2011). Teacher Perceptions On Tekanans And Retention. ProQuest Dissertations and Theses.

Aguayo, R., Vargas, C., de la Fuente, E.I., & Lozano, L.M. (2011). A meta-analytic reliability generalization study of the Maslach Burnout Inventory. International Journal of Clinical and Health Psychology, 11(2), 343-361.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahmad Azhari (2016). *Tahap dan Punca Tekanan di Kalangan Guru-Guru yang Mengajar Kemahiran Hidup di Negeri Perlis*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Jawahir Tugimin (2010). *Perkaitan Persepsi Terhadap Organisasi Dengan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah Negeri Melaka*. Kertas Projek Master Sains. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Ahmad Johari Sihes & Ng Gek Lui. (2013). Faktor-Faktor Tekanan Di Kalangan Guru Yang Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Alexander, K., & Alexander, M. D. (2012). American public school law (8th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.

Alexander, V., Tripp, S., & Zak, P. J. (2015). Preliminary evidence for the neurophysiologic effects of online coupons: Changes in oxytocin, stress, and mood. [Digital Version] Psychology & Marketing. 32(9), 977-986.

Ali Murat Sunbul (2013). *An analysis of relations among locus of control, burnout and job satisfaction in Turkish high school teacher*. Australian Journal of education Vol. 47 No. 1 April, 2003.

Alliance for Excellent Education. (2014, July). On the path to equity: Improving the effectiveness of beginning teachers. Washington D.C.: Haynes, M. Retrieved from http://all4ed.org/reports-factsheets/path-to-equity/

American Institute for Stress (2015). What is stress?. Retrieved from http://www.stress.org/what-is-stress/

Arsyad Yahya (2013). *Tahap Tekanan Kerja Di Kalangan Guru-Guru: Satu Kajian Di beberapa Buah Sekolah Di Daerah Kulai, Johor Bahru. Latihan Ilmiah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

